



21 Jun 2012
21 June 2012
P.U. (A) 188

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN DADAH BERBAHAYA
(LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS)
(ORANG TAHANAN) 2012

*DANGEROUS DRUGS (SPECIAL PREVENTIVE MEASURES)
(DETAINED PERSONS) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) 1985

PERATURAN-PERATURAN DADAH BERBAHAYA
(LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) (ORANG TAHANAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 22(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 [*Akta 316*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Orang Tahanan) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 22 Jun 2012.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“barang yang dilarang” ertinya apa-apa dadah, wang, tembakau atau arak dan termasuklah apa-apa alat atau barang sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Komisioner Jeneral dari semasa ke semasa sebagai barang larangan;

“barang yang tidak dibenarkan” ertinya apa-apa barang yang tidak dibenarkan oleh Komisioner Jeneral dan Pegawai yang Menjaga;

“Hakim Pelawat” ertinya Lembaga Hakim Pelawat yang dilantik di bawah peraturan 108;

“kesalahan besar” ertinya apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh orang tahanan yang berlawanan dengan tata tertib tempat tahanan sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 79;

“kesalahan kecil” ertinya apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh orang tahanan yang berlawanan dengan tata tertib tempat tahanan sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 78;

“Komisioner Jeneral” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Penjara 1995 [*Akta 537*];

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Hadiah Pegawai yang ditubuhkan di bawah seksyen 60 Akta Penjara 1995;

“latihan kemahiran” ertinya apa-apa bentuk latihan yang diberikan kepada orang tahanan termasuklah kemahiran vokasional dan apa-apa bentuk latihan lain yang disifatkan sesuai oleh Komisioner Jeneral;

“latihan perusahaan khas” ertinya latihan lain termasuklah usaha sama atau apa-apa bentuk kerja lain bagi maksud meningkatkan peluang dan mendedahkan orang tahanan kepada kemahiran baru;

“Pegawai Bertugas” ertinya mana-mana pegawai kanan penjara yang berpangkat daripada Timbalan Penguasa, Penolong Penguasa, Ketua Inspektor dan Inspektor yang diarahkan sebagai Pegawai Bertugas;

“pegawai pemulihan” termasuklah seorang pegawai penjara dan mana-mana orang yang melaksanakan apa-apa program pemulihan bagi orang tahanan di tempat tahanan;

“pegawai penjara” ertinya kakitangan berpakaian seragam jabatan penjara daripada dan termasuklah pangkat Komisioner Jeneral Penjara hingga ke pangkat yang lebih rendah dan termasuklah seorang Wadar;

“pegawai perubatan” dan “pegawai pergigian” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Penjara 1995;

“Pegawai Rendah Penjara” ertinya seorang pegawai penjara daripada apa-apa pangkat dan termasuklah seorang Sub Inspektor Penjara hingga ke pangkat yang lebih rendah dan termasuklah seorang Wadar;

“Pegawai yang Menjaga” ertinya seorang pegawai penjara yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Komisioner Penjara yang menjaga suatu tempat tahanan atau semasa ketiadaannya, seorang pegawai penjara yang berpangkat tidak rendah daripada Timbalan Penguasa Penjara;

“penasihat undang-undang” ertinya seorang peguam atau peguam bela dan peguam cara seseorang tahanan;

“pengamal perubatan berdaftar” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Penjara 1995;

“perintah tahanan” ertinya suatu perintah yang dibuat oleh Menteri untuk menahan seseorang di bawah subseksyen 6(1) Akta;

“Perintah Tetap” ertinya Perintah Tetap Komisioner Jeneral yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Komisioner Jeneral di bawah peraturan 111;

“Rekod” ertinya suatu Rekod Orang Tahanan di bawah Bahagian III peraturan 10;

“senjata” ertinya apa-apa cota, senjata api, amunisi dan termasuk apa-apa alat sebagaimana yang ditentukan oleh Komisioner Jeneral;

“senjata api” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Senjata 1960 [*Akta 206*];

“Skim” ertinya Skim Insentif di bawah Bahagian VII;

“tahanan muda” ertinya seorang tahanan yang berumur di bawah dua puluh satu tahun;

“tempat latihan” ertinya suatu tempat yang seorang tahanan dikehendaki menjalani latihan oleh Komisioner Jeneral bagi maksud memulihkan orang tahanan, dan latihan itu boleh diselia oleh seorang pegawai penjara.

Prinsip am tempat tahanan, pentadbiran dan pemakaian Peraturan-Peraturan

3. (1) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai, dengan memberikan kelonggaran wajar bagi perbezaan dalam watak dan mengambil kira kepelbagaian jenis orang tahanan, mengikut prinsip yang berikut:

- (a) Tatatertib dan ketenteraman hendaklah dikekalkan dengan adil tetapi tegas dan dengan tidak mengenakan sekatan yang melebihi daripada yang dikehendaki bagi jagaan selamat dan untuk memastikan kehidupan bermasyarakat yang teratur;
- (b) Dalam pengawalan orang tahanan, pegawai penjara hendaklah berusaha untuk mempengaruhi orang tahanan itu melalui contoh teladan dan kepimpinan mereka sendiri, dan untuk mendapatkan kerjasama secara sukarela mereka;
- (c) Pada setiap masa, pemulihan terhadap orang tahanan hendaklah seperti untuk menggalakkan menghormati diri mereka sendiri dan mempunyai perasaan tanggungjawab ke atas diri sendiri, supaya semangat mereka dapat dibina semula, menyemai dalam diri mereka tabiat kewarganegaraan yang baik dan kerja keras, menggalakkan mereka supaya hidup dengan baik dan berguna setelah dibebaskan dan menyesuaikan mereka untuk berbuat demikian; dan
- (d) Menyediakan aktiviti yang berguna termasuklah pendidikan, bimbingan

dan latihan kemahiran dan kerja yang telah dirancang bagi membantu orang tahanan memperoleh pengetahuan dan meningkatkan kemahiran yang perlu bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang sesuai.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi tiap-tiap orang tahanan.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), peruntukan mana-mana Bahagian Peraturan-Peraturan ini yang berhubungan dengan mana-mana kategori orang tahanan yang tertentu hendaklah, jika peruntukan untuk Bahagian itu bercanggah atau tidak selaras dengan mana-mana peruntukan lain Peraturan-Peraturan ini, hanya terpakai bagi orang tahanan kategori itu.

BAHAGIAN II

PENEMPATAN

Tempat tidur

4. Tiap-tiap orang tahanan hendaklah dikurung di dalam sel atau dormitori yang diperakui oleh pegawai perubatan.

Penempatan wanita

5. (1) Tiap-tiap tahanan lelaki dan perempuan hendaklah ditempatkan secara berasingan sama sekali antara satu sama lain, dan hendaklah dikurung di dalam bangunan yang berlainan.

(2) Seorang tahanan wanita hendaklah dalam semua hal dijaga oleh pegawai penjara wanita.

(3) Seorang pegawai penjara lelaki tidak boleh memasuki suatu tempat tahanan atau bahagian tempat tahanan yang dikhususkan untuk kegunaan tahanan wanita kecuali sewaktu bertugas dan ditemani seorang pegawai penjara wanita.

Tahanan muda

6. (1) Orang tahanan yang dikenal pasti oleh Pegawai yang Menjaga sebagai seorang tahanan muda, sama ada lelaki ataupun perempuan, hendaklah ditempatkan secara berasingan daripada orang tahanan dewasa.

(2) Bagi seseorang tahanan yang umurnya tidak dapat dikenal pasti dalam apa-apa cara, seorang tahanan yang mengisytiharkan dirinya berumur lebih daripada dua puluh satu tahun tetapi yang, pada pendapat Pegawai yang Menjaga dan pegawai perubatan, tidak sepatutnya, memandang kepada perwatakan, resam tubuh dan latar belakangnya, dikelaskan bersama dengan orang tahanan dewasa, hendaklah diambil kira sebagai seorang tahanan muda.

Kediaman hospital

7. Dalam tiap-tiap tempat tahanan, suatu rumah orang uzur atau tempat yang sesuai untuk menerima orang tahanan yang sakit hendaklah disediakan.

Sel hukuman dan sel pengasingan

8. (1) Dalam tiap-tiap tempat tahanan, suatu sel khas hendaklah disediakan atau dikhaskan bagi—

(a) pengurungan orang tahanan yang menjalani hukuman bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini; atau

(b) pengasingan orang tahanan untuk mengekalkan ketenteraman dan tatatertib yang baik bagi suatu tempat tahanan.

(2) Tiap-tiap sel sedemikian hendaklah diperakui oleh pegawai perubatan bahawa sel itu boleh digunakan sebagai sel hukuman atau sel pengasingan.

Kemudahan kelengkapan dan penempatan

9. Pegawai yang Menjaga boleh menentukan apa-apa kelengkapan atau kemudahan yang boleh ditempatkan di dalam sel atau dormitori.

BAHAGIAN III

PENERIMAAN MASUK, PEMBEBASAN, PENGALIHAN DAN JAGAAN SELAMAT ORANG TAHANAN

Rekod Orang Tahanan

10. Apabila diterima masuk, dan dari semasa ke semasa sebagaimana yang dikehendaki, tiap-tiap orang tahanan hendaklah diambil gambarnya dan nama, umur, ketinggian, berat, tanda-tanda tertentu, perawakan amnya dan maklumat lain, sekiranya ada, hendaklah direkodkan dalam Rekod Orang Tahanan.

Kategori tahanan

11. Untuk kepentingan keselamatan dan pemulihan, orang tahanan boleh dikategorikan dengan mengambil kira umur, jantina, perwatakan, personaliti, sejarah terdahulu mereka dan faktor-faktor lain yang ditentukan oleh Komisioner Jeneral.

Perekodan butiran

12. (1) Apabila diterima masuk ke dalam tempat tahanan, orang tahanan hendaklah didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 [*Akta 7*].

(2) Cap jari orang tahanan tersebut hendaklah diambil dan perihalan yang dibuat dalam borang yang sesuai hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Penjenayah di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969.

Pemeriksaan

13. (1) Tiap-tiap orang tahanan hendaklah diperiksa apabila diterima masuk dan pada bila-bila masa kemudiannya sebagaimana yang diarahkan, dan semua barang larangan dan barang yang tidak dibenarkan hendaklah diambil daripadanya.

(2) Pemeriksaan seorang tahanan hendaklah dijalankan dengan mengutamakan kesopanan dan hormat sendiri sewajarnya, dan dengan cara yang selaras dengan keperluan untuk mencari apa-apa barang yang tidak dibenarkan atau barangan larangan.

(3) Tiada orang tahanan boleh dilucutkan pakaiannya dan diperiksa di hadapan seorang tahanan yang lain.

(4) Orang tahanan hanya boleh diperiksa oleh pegawai penjara yang sama jantintanya dengan orang tahanan yang diperiksa.

Anak kepada tahanan wanita

14. (1) Seorang kanak-kanak di bawah umur tiga tahun boleh diterima masuk bersama dengan ibunya oleh Komisioner Jeneral.

(2) Mana-mana kanak-kanak yang diterima masuk bersama dengan ibunya di bawah peraturan ini boleh disediakan dengan keperluan asas untuk saraan dan jagaan kanak-kanak itu oleh Komisioner Jeneral.

(3) Apabila mana-mana kanak-kanak dianggap telah mencapai umur tiga tahun, pegawai perubatan hendaklah melaporkan sekiranya ia wajar atau perlu bahawa kanak-kanak itu patut dikekalkan dengan lebih lama di pusat tahanan.

(4) Kecuali dengan kebenaran khas Komisioner Jeneral, seorang kanak-kanak tidak boleh diletakkan dalam tempat tahanan bersama dengan ibunya apabila dia mencapai umur empat tahun.

(5) Apabila seorang kanak-kanak mencapai umur tiga atau empat tahun dan tidak boleh dikekalkan dengan lebih lama di tempat tahanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pegawai yang Menjaga hendaklah merujuk kepada Komisioner Jeneral untuk arahan selanjutnya dalam menguruskan kanak-kanak itu.

Penyimpanan harta

15. (1) Pakaian persendirian, wang dan semua barang lain dalam milikan, atau yang dihantar kepada mana-mana orang tahanan, yang tidak dibenarkan secara nyata oleh Peraturan-Peraturan ini, hendaklah diambil daripada orang tahanan itu.

(2) Harta sedemikian hendaklah dibuat inventori dalam daftar harta orang tahanan, yang hendaklah ditandatangani oleh orang tahanan yang berkenaan yang memperakui ketepatannya.

(3) Apa-apa barang daripada jenis yang mudah rosak atau berbahaya boleh dimusnahkan.

Pakaian tempat tahanan

16. (1) Semua orang tahanan hendaklah memakai pakaian orang tahanan.

(2) Semua pakaian hendaklah ditandakan mengikut sistem peringkat progresif dalam Bahagian IV atau sebagaimana yang diarahkan oleh Komisioner Jeneral.

Pengguntingan rambut

17. (1) Semua orang tahanan hendaklah menggunting pendek rambut dan janggut, jambang dan misai.

(2) Orang tahanan yang tidak mempunyai janggut, jambang dan misai di mukanya, atau yang bermisai sahaja, hendaklah bercukur sekerap yang perlu bagi memelihara penampilan yang bersih dan sopan.

(3) Rambut orang tahanan wanita tidak boleh dipotong semasa diterima masuk atau selepas itu tanpa keizinannya kecuali jika pegawai perubatan atau Pegawai yang Menjaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, menganggap bahawa pemotongan rambut itu perlu atas sebab kesihatan, kebersihan atau keselamatan.

(4) Mana-mana orang tahanan yang mempunyai tabiat bercukur kepala yang ditahan di tempat tahanan, hendaklah dibenarkan supaya kepalanya dicukur.

(5) Rambut orang tahanan berbangsa Sikh tidak boleh dipotong tanpa perintah secara bertulis daripada Pegawai yang Menjaga, yang perintahnya tidak boleh dibuat kecuali atas alasan keperluan yang diperakui oleh pegawai perubatan.

Pemeriksaan perubatan

18. (1) Tiap-tiap orang tahanan hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas diterima masuk, diperiksa secara berasingan oleh pegawai perubatan, yang hendaklah mencatatkan dalam Rekod butiran mengenai keadaan kesihatan orang tahanan dan apa-apa butiran lain sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(2) Tiada seorang pun orang tahanan boleh dihantar untuk latihan sehingga pegawai perubatan memperakui bahawa dia sihat untuk melaksanakan latihan kemahiran itu.

(3) Pegawai perubatan boleh, dengan kelulusan Pegawai yang Menjaga, pada bila-bila masa mengatur untuk mana-mana orang tahanan menjalani apa-apa ujian perubatan, sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Tiap-tiap orang tahanan hendaklah diperiksa oleh pegawai perubatan sebelum dibebaskan, dipindahkan atau dialihkan.

(5) Pegawai perubatan boleh membuat pengesyoran kepada Pegawai yang Menjaga mengenai jagaan, penempatan, pengalihan dan pemindahan bagi mana-mana orang tahanan yang memerlukan jagaan khas untuk perubatan.

(6) Seorang tahanan yang memerlukan rawatan segera atau menghadapi apa-apa penyakit yang berbahaya hendaklah dipindahkan ke hospital kerajaan.

Vaksinasi

19. Seorang tahanan boleh divaksin atau divaksin semula atas arahan pegawai perubatan.

Penyakit yang merebak atau berjangkit

20. (1) Sekiranya mana-mana orang tahanan didapati mempunyai apa-apa penyakit yang merebak atau berjangkit, atau diserang dengan vermin, suatu laporan hendaklah dibuat dan dikemukakan dengan serta-merta kepada pegawai perubatan yang di bawah arahnya langkah-langkah hendaklah diambil untuk merawat keadaan itu dan untuk mencegahnya daripada merebak kepada orang tahanan lain.

(2) Apabila menerima laporan daripada pegawai perubatan bahawa mana-mana orang tahanan itu menghadapi apa-apa penyakit yang merebak atau berjangkit, Pegawai yang Menjaga bolehlah membuat pengesyoran kepada Menteri mengenai penahanan orang tahanan itu.

(3) Pengesyoran yang dibuat di bawah subperaturan (2) boleh juga dibuat oleh Pegawai yang Menjaga dalam apa-apa hal jika seorang tahanan –

- (a) menghadapi penyakit yang akut dan berbahaya;
- (b) menghadapi penyakit yang mengancam nyawanya dan orang tahanan lain;
- (c) menghadapi gangguan mental atau tidak sempurna akal ; atau
- (d) terlalu uzur.

Lembaga Penerimaan

21. (1) Di tiap-tiap tempat tahanan hendaklah ada suatu Lembaga Penerimaan yang terdiri daripada Pegawai yang Menjaga dan mana-mana orang lain sebagaimana yang Komisioner Jeneral boleh tentukan, yang hendaklah, dengan seberapa segera selepas orang tahanan itu diterima masuk dalam tempat tahanan, menemu ramah tiap-tiap

orang tahanan, dan menetapkan suatu program pemulihan yang sesuai untuk orang tahanan itu.

(2) Tiap-tiap orang tahanan, apabila diterima masuk, hendaklah diberi penerangan dalam bahasa yang difahaminya tentang peruntukan berhubung dengan tatakelakuan yang perlu dipatuhi dan hukuman bagi ketidakpatuhan tatakelakuan itu di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Jagaan semasa pengalihan, dsb.

22. Seorang tahanan yang sedang dialihkan atau dipindahkan dari satu tempat tahanan ke suatu tempat tahanan yang lain hendaklah, semasa berada di luar tempat tahanan itu, diletakkan di bawah jagaan pegawai penjara yang diarahkan untuk menghantarnya dan hendaklah disifatkan sebagai berada dalam jagaan sah Pegawai yang Menjaga bagi tempat tahanan yang pegawai penjara itu sedang berkhidmat.

Pembebasan pada tarikh sewajarnya

23. Pegawai yang Menjaga hendaklah bertanggungjawab untuk pembebasan sewajarnya semua orang tahanan sebaik sampai masanya mereka berhak dibebaskan.

Pemulangan pakaian dan harta

24. Pada pembebasan seorang tahanan, semua barang pakaian dan harta orang tahanan itu hendaklah dipulangkan kepadanya, melainkan jika didapati perlu untuk dimusnahkan apa-apa barang pakaian, yang dalam hal itu dia hendaklah disediakan dengan pakaian sebagaimana yang sesuai.

Tambang pengangkutan pada pembebasan

25. Seorang tahanan yang dibebaskan dengan sewajarnya daripada suatu tempat tahanan hendaklah diberi tambang pengangkutan ke suatu tempat yang diarahkan atau pulang ke tempat yang lazimnya dia tinggal.

BAHAGIAN IV

SISTEM PERINGKAT PROGRESIF

Sistem peringkat progresif

26. (1) Maka hendaklah ditubuhkan di tiap-tiap tempat tahanan suatu sistem peringkat progresif yang memberi peningkatan keistimewaan hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

(2) Terdapat empat jenis peringkat, iaitu-

(a) Peringkat Pertama;

(b) Peringkat Kedua;

(c) Peringkat Ketiga; dan

(d) Peringkat Keempat.

(3) Kenaikan daripada Peringkat Kedua ke atas hendaklah bergantung kepada kelakuan baik, kerajinan dan tempoh perkhidmatan dalam setiap Peringkat.

(4) Orang tahanan dalam tiap-tiap peringkat itu hendaklah memakai suatu tanda pengenalan pada pakaian mereka atau memakai pakaian yang menunjukkan perbezaan peringkat sebagaimana yang ditetapkan oleh Komisioner Jeneral.

(5) Jenis Peringkat itu hendaklah diterangkan kepada tiap-tiap orang tahanan semasa pertama kali diterima masuk oleh Pegawai yang Menjaga.

Peringkat Pertama

27. (1) Seorang tahanan hendaklah berada dalam Peringkat Pertama untuk tiga bulan yang pertama bagi tempoh tahanannya yang dalam tempoh itu dia tidak berhak mengambil bahagian dalam Skim.

(2) Tertakluk kepada tatakelakuan dan kemajuan pemulihan, Pegawai yang Menjaga boleh mempertimbangkan seorang tahanan dinaikkan ke Peringkat Kedua selepas berada dalam Peringkat Pertama selama tiga bulan.

Peringkat Kedua

28. Seorang tahanan itu hendaklah berada dalam Peringkat Kedua untuk tujuh bulan dan boleh ditempatkan dalam Skim, dan tertakluk kepada peraturan 31, boleh terus berada dalam Peringkat itu bagi baki tempoh tahanannya.

Peringkat Ketiga

29. (1) Tertakluk kepada tatakelakuan, kerajinan dan kemajuan pemulihan, Pegawai yang Menjaga boleh mempertimbangkan seorang tahanan dinaikkan ke Peringkat Ketiga selepas berada dalam Peringkat Kedua selama tujuh bulan.

(2) Seorang tahanan itu hendaklah berada dalam Peringkat Ketiga untuk tujuh bulan dan tertakluk kepada peraturan 31, boleh terus berada dalam Peringkat itu bagi baki tempoh tahanannya.

Peringkat Keempat

30. (1) Tertakluk kepada tatakelakuan, kerajinan dan kemajuan pemulihan, Pegawai yang Menjaga boleh mempertimbangkan seorang tahanan dinaikkan ke Peringkat Keempat selepas berada dalam Peringkat Ketiga selama tujuh bulan.

(2) Seorang tahanan itu hendaklah berada dalam Peringkat Keempat untuk tujuh bulan dan tertakluk kepada peraturan 31, boleh terus berada dalam Peringkat itu bagi baki tempoh tahanannya.

Kenaikan yang pesat

31. Walau apa pun peraturan 27, 28, 29 dan 30, dan tertakluk kepada apa-apa arahan am atau khas Menteri, Komisioner Jeneral boleh sekiranya dia mempertimbangkan perlu atau wajar oleh sebab keadaan khas untuk direkodkan olehnya, mengurangkan masa yang dijalani oleh mana-mana orang tahanan atau kelas

orang tahanan dalam mana-mana Peringkat yang disebut dalam peraturan-peraturan itu.

Penurunan dan penangguhan kenaikan dalam Peringkat

32. (1) Akibat daripada pertuduhan tatatertib atau kerana kelembapan berterusan dalam latihan, seorang tahanan boleh diturunkan Peringkat atau ditangguhkan kenaikannya ke Peringkat seterusnya oleh Pegawai yang Menjaga bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada tiga bulan dan tidak lebih daripada enam bulan.

(2) Seorang tahanan yang diturunkan ke Peringkat yang lebih rendah tidak berhak untuk kemasukan semula sehinggalah dia melengkapkan sekurang-kurangnya tiga bulan tahanan tanpa pertuduhan tatatertib.

(3) Seorang tahanan yang diturunkan Peringkat juga boleh dikenakan pelucutan hak pendapatan, penurunan dalam gred pendapatan atau dikeluarkan daripada Skim untuk suatu tempoh yang tidak melebihi tiga bulan.

Keistimewaan

33. (1) Komisioner Jeneral hendaklah, demi kepentingan kelakuan baik dan latihan, menubuhkan di tiap-tiap tempat tahanan apa-apa sistem atau sistem keistimewaan sebagaimana yang sesuai untuk orang tahanan mengikut Peringkat dan program pemulihan.

(2) Tiap-tiap sistem sedemikian hendaklah termasuk perkiraan yang di bawahnya sejumlah wang yang diperoleh oleh orang tahanan di bawah Peraturan-Peraturan ini, boleh dibelanjakan untuk apa-apa sebab dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan sebagaimana yang Komisioner Jeneral boleh tentukan.

(3) Keistimewaan orang tahanan dalam pelbagai Peringkat hendaklah seperti yang berikut:

(a) Orang tahanan dalam Peringkat Pertama dan Peringkat Kedua-

- (i) hendaklah dibenarkan mempunyai buku perpustakaan dan menukarkannya dengan bahan bacaan lain sebagaimana yang boleh dipraktikkan; dan
 - (ii) layak untuk menghadiri apa-apa konsert, syarahan, pameran program audio visual dan apa-apa aktiviti lain sebagaimana yang Pegawai yang Menjaga boleh arahkan.
- (b) Sebagai tambahan kepada keistimewaan yang disebut dalam perenggan (a), orang tahanan dalam Peringkat Kedua adalah layak untuk ditempatkan dalam Skim;
- (c) Orang tahanan dalam Peringkat Ketiga dan Keempat –
- (i) hendaklah dibenarkan mempunyai buku perpustakaan dan menukarkannya dengan bahan bacaan lain sebagaimana yang boleh dipraktikkan;
 - (ii) layak untuk menghadiri apa-apa konsert, syarahan, pameran program audio visual dan apa-apa aktiviti lain sebagaimana yang Pegawai yang Menjaga boleh arahkan;
 - (iii) layak untuk ditempatkan dalam Skim; dan
 - (iv) layak untuk mengambil bahagian dalam kelas kemahiran yang disediakan di tempat tahanan.

(4) Perkiraan hendaklah dibuat setakat yang praktik bagi tiap-tiap tahanan, melainkan jika dikecualikan oleh pegawai perubatan atas alasan kesihatan, untuk melakukan senaman dan rekreasi fizikal harian dengan syarat bahawa keselamatan dan tatatertib dikekalkan dengan sewajarnya.

(5) Orang tahanan dalam semua Peringkat layak untuk menerima bahan bacaan yang bersesuaian daripada mana-mana orang, tertakluk kepada kelulusan oleh Komisioner Jeneral.

(6) Orang tahanan dalam semua Peringkat layak untuk menerima keistimewaan lain sebagaimana yang diluluskan oleh Komisioner Jeneral dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN V

LAYANAN ORANG TAHANAN

Tugas pegawai penjara

34. Adalah menjadi tugas seorang pegawai penjara untuk melayan semua orang tahanan dengan baik dan berperikemanusiaan, mendengar dengan sabar dan melaporkan aduan atau rungutan mereka, pada masa yang sama bersikap tegas untuk mengekalkan ketenteraman dan tatatertib serta menguatkuasakan peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan Perintah Tetap.

Penggunaan kekerasan

35. (1) Tiada seorang pun pegawai dibenarkan untuk menggunakan kekerasan ke atas orang tahanan melainkan jika dia terpaksa berbuat demikian kerana mempertahankan diri sendiri atau mempertahankan orang lain atau harta.

(2) Orang tahanan yang cedera kerana kekerasan yang digunakan oleh seorang pegawai dalam mempertahankan diri sendiri atau mempertahankan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah diperiksa oleh pegawai perubatan dan suatu laporan serta-merta mengenai insiden dan kecederaan yang dialami oleh orang tahanan hendaklah dibuat kepada Pegawai yang Menjaga.

Kelengkapan tempat tidur

36. (1) Tiap-tiap orang tahanan hendaklah dibekalkan dengan kelengkapan tempat tidur mengikut suatu spesifikasi yang diluluskan oleh Komisioner Jeneral.

(2) Kelengkapan tempat tidur tambahan boleh dibekalkan dalam hal keadaan yang khas atas pengesyoran oleh pegawai perubatan.

Kebersihan

37. (1) Tiap-tiap orang tahanan hendaklah menjaga kebersihan dan kekemasan diri, kawasan tempat tidur, sebagaimana yang ditentukan oleh Pegawai yang Menjaga, pakaian, kelengkapan tempat tidur, sel, perkakas, bahan bacaan dan barangan lain yang dikeluarkan untuk kegunaannya.

(2) Tiap-tiap orang tahanan hendaklah membersihkan dan menyapu halaman, laluan, tempat kerja dan bahagian lain tempat tahanan sebagaimana yang diarahkan.

(3) Pakaian tempat tahanan yang tidak dipakai lagi oleh orang tahanan selepas pembebasannya hendaklah dibasuh dengan bersih, dikeringkan dan dinyahjangkitan sebelum dipulangkan ke stor atau dikeluarkan semula.

Diet

38. Makanan orang tahanan, hendaklah mengikut skala diet yang dinyatakan atau apa-apa skala diet yang lain sebagaimana yang , dari semasa ke semasa, boleh ditentukan oleh Komisioner Jeneral atas pengesyoran Menteri Kesihatan.

Makanan tambahan

39. Tiada orang tahanan boleh menerima atau mempunyai dalam milikannya apa-apa makanan selain yang dibenarkan oleh skala diet yang disebut dalam peraturan 38, kecuali-

(a) dengan kebenaran Pegawai yang Menjaga dalam hal keadaan yang khas;
dan

- (b) dengan kebenaran pegawai perubatan sekiranya suatu perubahan diet adalah diperlukan atas sebab kesihatan untuk orang tahanan secara individu.

Pembaziran makanan

40. Diet orang tahanan yang membazirkan makanannya secara berterusan atas sebab kesihatan boleh dikurangkan dengan suatu pengesyoran bertulis oleh pegawai perubatan.

Pemeriksaan makanan

41. (1) Jagaan hendaklah diambil bahawa semua makanan yang dibekalkan kepada orang tahanan adalah daripada kualiti, berat dan masa yang bersesuaian yang dinyatakan oleh Komisioner Jeneral.

(2) Skala dan alat timbang dan sukat piawai hendaklah disediakan bagi menimbang makanan yang dibekalkan kepada mereka.

Mengedar

42. (1) Tiada seorang pun orang tahanan dibenarkan memberi, menerima, bertukar-tukar, atau membuat transaksi mana-mana barang atau makanan yang diperuntukkan untuknya atau dalam milikannya kepada mana-mana orang tahanan yang lain.

(2) Suatu tindakan tatatertib hendaklah diambil oleh Pegawai yang Menjaga ke atas orang tahanan yang melanggar subperaturan (1).

Diet terhad

43. Orang tahanan yang diperintahkan untuk suatu diet terhad hendaklah menggantikan dietnya dengan diet terhad sebagaimana yang ditentukan oleh Komisioner Jeneral dari semasa ke semasa, atas pengesyoran pegawai perubatan.

Penyeludupan barang yang dilarang

44. (1) Tiada seorang pun orang tahanan boleh ada dalam milikannya apa-apa barang yang dilarang.

(2) Suatu barang yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dirampas oleh Pegawai yang Menjaga.

(3) Jika barang yang dilarang itu ialah wang, semua wang yang dirampas di bawah peraturan ini hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang.

(4) Apa-apa barang yang dirampas di bawah peraturan ini boleh dilupuskan dan hasil pelupusan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang.

Pemeriksaan orang dan penggeledahan kenderaan

45. (1) Semua orang termasuklah seorang penasihat undang-undang orang tahanan dan kenderaan yang memasuki atau meninggalkan penjara hendaklah diperiksa dan digeledah, dan mana-mana orang yang disyaki membawa apa-apa barang yang dilarang ke dalam tempat tahanan, atau membawa keluar apa-apa barang yang dilarang atau apa-apa harta kepunyaan tempat tahanan, hendaklah ditahan dan dilaporkan sertamerta kepada Pegawai yang Menjaga.

(2) Pegawai yang Menjaga boleh enggan untuk menerima masuk ke tempat tahanan seseorang yang tidak rela tubuh badannya, kenderaan dan barang yang dibawa olehnya diperiksa atau digeladah atau yang kelakuannya tidak sesuai dan tidak berpakaian sopan.

(3) Pegawai yang Menjaga boleh mengarahkan seseorang yang berkelakuan yang mengancam keselamatan atau seseorang yang berkelakuan tidak sopan semasa berada di dalam tempat tahanan untuk keluar daripada tempat tahanan.

Penggunaan buku dan bahan bertulis oleh orang tahanan

46. Mana-mana orang tahanan boleh menggunakan buku dan bahan bertulis yang diterima atau yang diperoleh melalui pegawai penjara dengan kebenaran dan kelulusan Pegawai yang Menjaga.

BAHAGIAN VI

LATIHAN KEMAHIRAN ORANG TAHANAN

Kehendak am

47. Tiap-tiap orang tahanan hendaklah dikehendaki menjalankan apa-apa latihan yang dibenarkan oleh Pegawai yang Menjaga dan yang baginya dia telah diperakui sihat oleh pegawai perubatan.

Waktu latihan

48. (1) Suatu tempat latihan bagi orang tahanan hendaklah terhad kepada kawasan dalam tempat tahanan sahaja melainkan jika diluluskan selainnya oleh Menteri.

(2) Waktu latihan bagi orang tahanan hendaklah sebagaimana yang diarahkan oleh Komisioner Jeneral.

Latihan tahanan wanita

49. Tahanan wanita hendaklah dilatih dalam kawasan tempat tahanan sahaja melainkan jika diluluskan selainnya oleh Komisioner Jeneral.

Rekod latihan orang tahanan

50. Di setiap tempat tahanan, suatu rekod mengenai latihan harian semua orang tahanan hendaklah disimpan dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang Komisioner Jeneral boleh arahkan.

Penguntukan latihan

51. (1) Pegawai yang Menjaga boleh membenarkan setiap orang tahanan untuk latihan kemahiran yang paling sesuai untuk orang tahanan itu, berdasarkan minat, keupayaan dan sumber tempat tahanan.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini, Pegawai yang Menjaga boleh memilih mana-mana orang tahanan untuk dilatih dalam mana-mana latihan perusahaan khas yang disediakan oleh tempat tahanan itu.

BAHAGIAN VII

SKIM INSENTIF

Skim Insentif

52. (1) Skim hanya terpakai kepada orang tahanan dalam Peringkat Kedua, Peringkat Ketiga dan Peringkat Keempat dalam Sistem Peringkat Progresif di bawah Bahagian IV.

(2) Orang tahanan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah menerima insentif apabila menjalankan latihan kemahiran.

Gred

53. (1) Skim hendaklah diklasifikasikan dalam tiga gred seperti berikut:

- (a) Gred A, ialah gred tertinggi bagi orang tahanan yang mahir membuat kerja dan yang kelakuannya cemerlang. Orang tahanan di bawah gred ini layak untuk dibayar insentif tertinggi;
- (b) Gred B, ialah gred pertengahan bagi orang tahanan yang sederhana mahir membuat kerja dan berkelakuan baik. Orang tahanan di dalam gred ini layak dibayar insentif pertengahan;
- (c) Gred C, ialah gred asas bagi semua orang tahanan selain Gred A dan Gred B. Orang tahanan di dalam gred ini layak dibayar insentif asas.

(2) Kenaikan orang tahanan ke Gred A dan Gred B adalah bergantung kepada kemahiran dan kelakuan.

Penggredan dan kenaikan

54. (1) Semua orang tahanan, apabila layak di bawah Peringkat bagi Skim hendaklah digredkan sebagai Gred C.

(2) Pegawai yang Menjaga boleh, atas budi bicaranya, membuat kenaikan dari Gred C kepada Gred B atas dasar berkelakuan baik dan prestasi kerja yang meningkat.

(3) Pegawai yang Menjaga boleh membuat pengesyoran kepada Komisioner Jeneral untuk kenaikan kepada Gred A berdasarkan kelakuan dan kemahiran latihan yang boleh dicontohi dan apa-apa pengesyoran yang boleh diluluskan oleh Komisioner Jeneral.

Kadar insentif

55. (1) Orang tahanan layak dibayar sejumlah wang insentif sebagaimana yang Komisioner General dengan kelulusan Menteri, dari semasa ke semasa nyatakan berkenaan dengan setiap gred.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Komisioner Jeneral mempunyai budi bicara untuk memperkenalkan kadar insentif khas bagi latihan perusahaan khas.

(3) Jika orang tahanan itu diarahkan untuk mengikuti latihan perusahaan khas, dia adalah layak untuk dibayar insentif khas sebagai tambahan kepada insentif sedia ada yang diterimanya dalam gred yang mana dia berada.

(4) Insentif akan dibayar kepada orang tahanan mengikut jumlah hari dia bekerja.

Simpanan

56. (1) Orang tahanan dalam Skim akan dibenarkan untuk membelanjakan pendapatan bulanannya untuk membeli keperluan bagi kegunaannya sendiri dan keluarga sebagaimana yang dibenarkan oleh Komisioner Jeneral.

(2) Tanpa menjejaskan subperaturan (1) –

(a) orang tahanan dalam Gred A, Gred B dan Gred C Skim dibenarkan untuk membelanjakan sehingga maksimum dua pertiga daripada jumlah insentif bulanannya untuk membeli keperluan bagi kegunaannya sendiri sebagaimana yang dibenarkan oleh Komisioner Jeneral; dan

(b) orang tahanan yang menerima insentif khas dibenarkan membelanjakan sebahagian jumlah insentif bulanannya untuk membeli keperluan bagi kegunaannya sendiri pada kadar yang ditetapkan oleh Komisioner Jeneral dari semasa ke semasa.

(4) Baki insentif yang tidak dibelanjakan hendaklah dimasukkan ke dalam kredit orang tahanan itu dan jumlah kredit itu hendaklah diserahkan kepadanya apabila dibebaskan.

BAHAGIAN VIII

SURAT DAN LAWATAN KEPADA ORANG TAHANAN

Perhubungan orang tahanan

57. (1) Apa-apa komunikasi antara orang tahanan dengan saudara-mara dan rakan-rakan mereka hendaklah dibenarkan mengikut Bahagian ini, tertakluk kepada apa-apa sekatan yang perlu bagi pengekalan tatatertib dan ketenteraman dalam tempat tahanan.

(2) Melainkan jika diperuntukkan dalam subperaturan (1), tiada seorang pun dibenarkan berkomunikasi dengan orang tahanan kecuali dengan kebenaran khas Pegawai yang Menjaga.

Peruntukan minimum yang biasa pada surat khas dan lawatan khas

58. (1) Apabila diterima masuk, orang tahanan boleh menulis surat kepada keluarga atau penasihat undang-undang dan menerima satu lawatan.

(2) Apabila dipindahkan, orang tahanan boleh menulis surat kepada keluarga untuk memaklumkan mengenai perpindahannya.

(3) Lawatan dan surat hendaklah diberikan mengikut Peringkat seperti berikut:

- (a) Orang tahanan dalam Peringkat Pertama boleh menulis sepucuk surat seminggu sekali dan mendapat satu lawatan empat minggu sekali atau menulis surat tambahan sebagai ganti jika tiada menerima lawatan;
- (b) Orang tahanan dalam Peringkat Kedua boleh menulis surat setiap minggu dan mendapat satu lawatan tiga minggu sekali atau menulis surat tambahan sebagai ganti jika tiada menerima lawatan;
- (c) Orang tahanan dalam Peringkat Ketiga boleh menulis surat setiap minggu dan mendapat satu lawatan dua minggu sekali atau menulis surat tambahan sebagai ganti jika tiada menerima lawatan;
- (d) Orang tahanan dalam Peringkat Keempat boleh menulis sepucuk surat dan mendapat satu lawatan satu minggu sekali atau menulis surat tambahan sebagai ganti jika tiada menerima lawatan.

(4) Tiada apa-apa lawatan atau perhubungan lain boleh dibenarkan tanpa perintah bertulis dari Pegawai yang Menjaga.

Penangguhan atau penarikan balik surat atau lawatan kerana salah laku

59. Keistimewaan berhubung surat dan lawatan pada bila-bila masa dalam hal tatatertib boleh ditarik balik sehingga tamat tempoh hukuman kesalahan tersebut.

Surat dan lawatan tambahan sebagai suatu keistimewaan

60. Pegawai yang Menjaga boleh menggunakan budi bicaranya untuk membenarkan apa-apa surat dan lawatan tambahan sebagaimana yang ditentukannya, bagi mana-mana peringkat orang tahanan.

Surat khas dan lawatan khas

61. Pegawai yang Menjaga boleh membenarkan mana-mana orang tahanan untuk menulis suatu surat khas atau suatu lawatan khas dalam mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) Kematian atau sakit yang teruk saudara-mara yang rapat;
- (b) Urusan perniagaan atau hal ehwal keluarga yang bersifat mendesak; atau
- (c) Perkiraan untuk mendapatkan pekerjaan atau bantuan daripada rakan-rakan apabila dibebaskan.

Perhubungan melalui Pegawai yang Menjaga

62. Pegawai yang Menjaga boleh pada bila-bila masa berhubung dengan seseorang orang tahanan, atau saudara-mara atau rakan-rakannya, mengenai apa-apa perkara yang penting kepada orang tahanan itu dalam hal dia tidak berhak menulis surat atau menerima lawatan.

Bilangan orang yang dibenarkan melawat

63. Tidak lebih daripada lima orang dibenarkan melawat seseorang tahanan pada satu masa kecuali dalam hal jika ditentukan selainnya oleh Pegawai yang Menjaga.

Masa dan syarat-syarat lawatan

64. Semua lawatan kepada orang tahanan hendaklah diadakan semasa waktu bekerja biasa dan antara waktu itu sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai yang Menjaga dan dalam penglihatan dan pendengaran seseorang pegawai penjara dan jurubahasa jika perlu.

Penapisan surat

65. (1) Tiap-tiap surat kepada atau daripada seseorang tahanan hendaklah dibaca oleh Pegawai yang Menjaga atau oleh seorang pegawai yang bertanggungjawab yang diwakili olehnya bagi maksud itu dan adalah menjadi budi bicara Pegawai yang Menjaga suatu tempat tahanan untuk menahan mana-mana surat atas alasan bahawa kandungannya tidak menyenangkan.

(2) Sekiranya kandungan atau sebahagian daripada surat yang ditulis oleh orang tahanan itu adalah, pada pendapat Pegawai yang Menjaga, tidak menyenangkan, dia hendaklah—

- (a) memberi orang tahanan yang berkenaan peluang untuk menulis surat itu semula; dan
- (b) sekiranya kandungan surat yang ditulis semula itu atau sebahagian daripadanya masih lagi dianggap sangat tidak menyenangkan, memfailkan surat itu ke dalam Rekod selepas memaklumkan kepadanya bahawa dia telah kehilangan keistimewaannya untuk tempoh tertentu itu.

(3) Sekiranya kandungan atau sebahagian daripada suatu surat yang dialamatkan kepada orang tahanan itu adalah, pada pendapat Pegawai yang Menjaga, sangat tidak menyenangkan, dia hendaklah—

- (a) mengembalikan surat itu kepada pengirim jika alamatnya diketahui; atau
- (b) sekiranya alamat pengirim itu tidak diketahui, memusnahkan surat itu.

(4) Bagi maksud peraturan ini, kandungan atau sebahagian daripada surat yang ditulis kepada atau daripada seseorang tahanan boleh diambil kira sebagai tidak menyenangkan atas mana-mana atau semua alasan yang berikut:

- (a) Kepentingan keselamatan negara;
- (b) Pencegahan, pengesanan, penyiasatan atau pendakwaan jenayah;
- (c) Kepentingan keselamatan awam;
- (d) Untuk menjamin atau mengekalkan keselamatan tempat tahanan atau ketenteraman dan tatatertib di dalam suatu tempat tahanan;
- (e) Perlindungan kesihatan atau moral;
- (f) Perlindungan hak dan kebebasan mana-mana orang.

Butiran lawatan dan kuasa Pegawai yang Menjaga

66. (1) Semua pelawat hendaklah menyatakan nama, nombor dokumen pengenalan diri, alamat, pertalian mereka atau apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pegawai yang Menjaga dalam jurnalnya.

(2) Semua pelawat hendaklah diperiksa oleh pegawai penjara daripada jantina yang sama, dan pemeriksaan sedemikian tidaklah boleh dilakukan dalam kehadiran mana-mana pelawat yang lain serta mengambil kira kesopanan dan hormat sendiri dan dengan cara yang selaras dengan pemeriksaan tubuh badan.

(3) Pegawai yang Menjaga boleh tidak menerima masuk seorang yang enggan tubuh badannya, kenderaan dan barang yang dibawa olehnya diperiksa atau yang kelakuannya tidak sesuai dan berpakaian tidak sesuai dan sopan ke dalam tempat tahanan dan hendaklah dicatatkan ke dalam jurnalnya.

(4) Pegawai yang Menjaga boleh mengarahkan supaya orang yang berkelakuan mengancam keselamatan tempat tahanan atau tidak sopan semasa berada di dalam tempat tahanan untuk keluar daripada tempat tahanan itu.

Komunikasi bertulis dengan penasihat undang-undang dan mahkamah

67. (1) Orang tahanan boleh berhubung secara bertulis dengan penasihat undang-undang dan mana-mana mahkamah dan komunikasi itu hanya boleh dibuka, dibaca atau ditahan oleh Pegawai yang Menjaga mengikut peruntukan peraturan ini.

(2) Komunikasi bertulis yang baginya peraturan ini terpakai boleh dibuka sekiranya mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa komunikasi itu mengandungi suatu lampiran haram dan apa-apa lampiran sedemikian hendaklah difailkan dalam Rekod atau dimusnahkan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pegawai yang Menjaga.

(3) Komunikasi bertulis yang baginya peraturan ini terpakai boleh dibuka, dibaca atau ditahan jika Pegawai yang Menjaga mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa kandungannya membahayakan keselamatan tempat tahanan atau keselamatan orang lain atau selainnya bersifat jenayah.

(4) Orang tahanan hendaklah diberi peluang untuk hadir apabila apa-apa komunikasi bertulis yang baginya peraturan ini terpakai dibuka dan hendaklah diberitahu jika komunikasi bertulis itu atau mana-mana lampiran akan dibaca atau ditahan.

(5) Orang tahanan hendaklah, atas permintaannya, dibekalkan dengan kertas dan segala bahan tulis lain yang perlu bagi maksud subperaturan (1).

(6) Dalam peraturan ini, "lampiran haram" termasuklah apa-apa artikel yang pemilikannya tidak dibenarkan oleh Peraturan-Peraturan ini dan apa-apa komunikasi bertulis kepada atau daripada seseorang selain orang tahanan yang berkenaan, penasihat undang-undangnya atau mahkamah.

Lawatan oleh penasihat undang-undang

68. (1) Orang tahanan adalah berhak membuat rundingan sebanyak dua kali dengan penasihat undang-undangnya bagi maksud membuat apa-apa representasi secara bertulis yang dia boleh membuatnya terhadap perintah tahananannya.

(2) Rundingan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibuat semasa waktu bekerja biasa di tempat tahanan dan antara apa-apa waktu sebagaimana Pegawai yang Menjaga boleh arahkan dan dalam penglihatan, tetapi bukan dalam pendengaran seseorang pegawai.

(3) Mana-mana penasihat undang-undang yang ingin berjumpa dengan orang tahanan hendaklah memberi notis awal kepada Pegawai yang Menjaga tempat tahanan.

(4) Tiada apa-apa lagi rundingan antara orang tahanan dengan penasihat undang-undangnya boleh dibenarkan selepas itu kecuali dengan persetujuan bertulis Peguam Negara, atau seorang anggota jabatannya yang diberi kuasa oleh Peguam Negara, dan apa-apa rundingan selanjutnya hendaklah, melainkan jika penasihat undang-undang orang tahanan itu telah memperakui kepada Peguam Negara atau anggota yang tersebut di atas bahawa hal perkara rundingan itu mengenai representasi orang tahanan itu terhadap perintah tahananannya atau bahawa rundingan itu ada berkaitan dengan mana-mana prosiding yang orang tahanan itu menjadi satu pihak, dibuat dalam penglihatan dan pendengaran seorang pegawai dan seorang jurubahasa, jika pegawai itu tidak memahami bahasa yang dipertuturkan.

(5) Penasihat undang-undang bagi orang tahanan boleh diiringi oleh seorang di bawah kawalan terus dan serta-merta penasihat undang-undang itu.

(6) Bagi maksud peraturan ini "penasihat undang-undang" ertinya peguam orang tahanan atau peguam bela dan peguam cara yang dilantik bagi mewakili orang tahanan itu atau kerani yang diberi kuasa oleh peguam atau peguam bela dan peguam cara itu.

Lawatan oleh pegawai polis

69. (1) Dengan pengemukaan suatu perintah daripada Ketua Polis Negara, atau daripada Pegawai yang Menjaga Daerah Polis, atau daripada Majistret, mana-mana pegawai polis boleh memohon daripada Pegawai yang Menjaga untuk melawat mana-mana orang tahanan di tempat tahanan dengan menyatakan alasan bagi permohonan tersebut.

(2) Pegawai yang Menjaga boleh mempertimbangkan perjumpaan tersebut dilaksanakan tanpa pendengaran oleh seorang pegawai penjara.

Lawatan dari Pegawai Siasatan

70. (1) Seorang Pegawai Siasatan yang dilantik di bawah seksyen 5 Akta boleh berjumpa dengan orang tahanan untuk tujuan untuk mendapatkan maklumat dengan membuat permohonan perjumpaan kepada Pegawai yang Menjaga.

(2) Pegawai Siasatan boleh diiringi oleh seorang jurubahasa bagi maksud penterjemahan jika diperlukan.

(3) Perjumpaan Pegawai Siasatan dengan orang tahanan hendaklah diadakan dalam penglihatan tetapi tidak dalam pendengaran pegawai penjara.

Penyampaian writ, dsb.

71. Seseorang pegawai undang-undang yang mempunyai suatu waran atau perintah yang berwibawa bagi menyampaikan writ atau proses undang-undang yang lain ke atas orang di dalam tempat tahanan hendaklah dibenarkan masuk ke dalam tempat tahanan pada bila-bila waktu bekerja biasa melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Pegawai yang Menjaga.

BAHAGIAN IX

ADUAN

Aduan oleh tahanan

72. Orang tahanan boleh membuat aduan kepada Hakim Pelawat, Komisioner Jeneral, Pegawai yang Menjaga atau, mana-mana pegawai penjara, mengenai apa-apa masalah yang dihadapi.

Permintaan oleh tahanan untuk berjumpa Komisioner Jeneral atau Hakim Pelawat

73. (1) Perkiraan hendaklah dibuat supaya apa-apa permintaan oleh orang tahanan untuk berjumpa Komisioner Jeneral atau anggota Hakim Pelawat hendaklah direkodkan oleh pegawai yang kepadanya perkiraan itu dibuat dan disampaikan tanpa kelengahan kepada Pegawai yang Menjaga.

(2) Pegawai yang Menjaga hendaklah memaklumkan Komisioner Jeneral atau anggota Hakim Pelawat semasa lawatan Komisioner Jeneral atau anggota Hakim Pelawat selepas itu ke tempat tahanan itu akan apa-apa permintaan orang tahanan yang berjumpa dengan Komisioner Jeneral atau anggota Hakim Pelawat itu.

BAHAGIAN X

KESALAHAN, HUKUMAN DAN PEMBELENGGUAN

Pegawai yang Menjaga hendaklah menguruskan laporan

74. Tiada laporan terhadap orang tahanan boleh diuruskan oleh mana-mana pegawai penjara lain selain Pegawai yang Menjaga atau semasa ketiadaannya pegawai yang terkanan selepasnya yang bertugas.

Pengasingan tahanan yang dilaporkan

75. Apabila orang tahanan telah dilaporkan kerana suatu kesalahan Pegawai yang Menjaga boleh mengarahkan supaya dia ditempatkan berasingan daripada orang tahanan lain sementara menunggu penghukuman.

Maklumat kepada tahanan yang dilaporkan

76. Orang tahanan hendaklah, sebelum sesuatu laporan diuruskan, dimaklumkan tentang kesalahan yang mengenai dia telah dilaporkan dan hendaklah diberi peluang untuk mendengar fakta yang dikatakan terhadapnya dan peluang untuk didengar sebagai membela dirinya.

Kesalahan terhadap tata tertib tempat tahanan hendaklah dilaporkan dan disiasat

77. Tiap-tiap kesalahan oleh seseorang orang tahanan terhadap tata tertib tempat tahanan hendaklah dilaporkan dengan serta-merta, dan Pegawai yang Menjaga hendaklah menyiasat laporan itu tidak lewat daripada hari berikutnya, melainkan jika hari itu ialah hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am.

Kesalahan kecil

78. Berikut ialah kesalahan kecil:

- (a) Bercakap semasa menjalani latihan kemahiran atau bercakap dengan kuat, ketawa atau menyanyi pada bila-bila masa selepas diarahkan oleh pegawai penjara untuk dihentikan;
- (b) Bertengkar dengan mana-mana orang tahanan lain;
- (c) Menyembunyikan atau memiliki apa-apa jua pun barang yang dilarang atau barang yang tidak dibenarkan;
- (d) Menunjukkan sikap tidak hormat kepada mana-mana pegawai penjara atau kakitangan lain atau pelawat;

- (e) Melakukan sebarang bentuk provokasi terhadap mana-mana orang tahanan lain;
- (f) Mengadakan perhubungan, sama ada secara bertulis, lisan, atau selainnya dengan mana-mana orang dengan mengingkari Peraturan-Peraturan ini atau Perintah Tetap Komisioner Jeneral;
- (g) Tidak membantu mengekalkan tatatertib dengan melaporkan apa-apa kesalahan tempat tahanan, atau tidak memberikan bantuan kepada pegawai apabila diminta untuk berbuat demikian;
- (h) Melakukan apa-apa perbuatan atau menggunakan apa-apa bahasa yang dikira menyinggung perasaan dan memudaratkan mana-mana orang tahanan yang lain;
- (i) Melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menimbulkan apa-apa kegemparan yang tidak perlu dalam fikiran mana-mana orang tahanan atau mana-mana pegawai penjara atau kakitangan penjara lain;
- (j) Meninggalkan, tanpa kebenaran pegawai penjara, kumpulan yang disertainya, atau bahagian tempat tahanan yang di dalamnya dia dikurung;
- (k) Meninggalkan, tanpa kebenaran pegawai penjara, wad, halaman, tempat dalam barisan, tempat duduk atau mana-mana tempat yang diuntukkan kepadanya;
- (l) Merayau di sekitar halaman atau berlegar-legar tanpa kebenaran;
- (m) Tidak atau enggan berkawad dalam barisan apabila bergerak di sekitar tempat tahanan atau pergi atau balik dari menjalani latihan kemahiran vokasional;

- (n) Memakan atau mengambil apa-apa makanan yang tidak diuntukkan kepadanya atau mengambil dari atau menambah kepada hidangan yang diuntukkan kepada orang tahanan lain;
- (o) Memberikan atau menjual kepada, atau bertukar-tukar dengan mana-mana orang tahanan lain mana-mana bahagian makanannya sendiri;
- (p) Mengalihkan tanpa kebenaran pegawai penjara makanan dari dapur atau dari tempat di mana makanan disediakan, atau mengingkari apa-apa arahan mengenai pengeluaran dan pengagihan makanan dan minuman;
- (q) Dengan sengaja memusnahkan makanan atau membuangnya tanpa perintah pegawai penjara;
- (r) Memasukkan ke dalam makanan atau minuman apa-apa benda yang mungkin menjadikannya tidak sedap atau tidak menyihatkan;
- (s) Tidak atau enggan memakai pakaian yang diberikan kepadanya, atau menukarkan mana-mana bahagiannya dengan pakaian orang tahanan lain, atau menghilangkan, membuang, merosakkan atau mengubah mana-mana bahagiannya;
- (t) Mengalihkan, mencatitkan atau mengubah mana-mana nombor, tanda atau lencana pengenalan;
- (u) Tidak atau enggan menjaga kebersihan diri, atau mengingkari apa-apa perintah yang mengawal selia bergunting rambut;
- (v) Tidak atau enggan menjaga pakaian, selimut, kelengkapan tempat tidur atau perkakas supaya bersih atau mengingkari apa-apa perintah mengenai perkiraan atau susunan artikel itu;

- (w) Mengganggu dengan apa-apa cara ke atas kunci, lampu atau pencahayaan di tempat tahanan atau harta lain yang tiada kena mengena dengannya;
- (x) Melakukan kacau ganggu di mana-mana bahagian tempat tahanan;
- (y) Meludah di atas atau selainnya mengotori mana-mana lantai, pintu, dinding atau bahagian lain bangunan tempat tahanan atau mana-mana artikel dalam tempat tahanan;
- (z) Dengan sengaja mengotorkan mana-mana bahagian dalam tempat tahanan;
- (aa) Merosakkan pokok-pokok dalam kawasan tempat tahanan;
- (bb) Tidak atau enggan menjaga dengan munasabahnya segala harta tempat tahanan yang diamanahkan kepadanya;
- (cc) Tidak atau enggan menjaga dengan munasabahnya atau merosakkan atau menyalahgunakan, barang dan perkakas yang diamanahkan kepadanya untuk kegunaan kerja;
- (dd) Tidak melaporkan dengan serta-merta apa-apa kehilangan atau kerosakan yang disebabkan olehnya kepada harta atau perkakas tempat tahanan;
- (ee) Membuat apa-apa artikel tanpa pengetahuan atau kebenaran pegawai penjara;
- (ff) Membuat mana-mana bahagian kerja yang diuntukkan kepada seorang tahanan lain, atau mendapatkan bantuan seorang tahanan lain dalam membuat kerjanya sendiri tanpa kebenaran pegawai penjara;

- (gg)* Mencampurkan atau menambah benda asing kepada bahan yang diberikan untuk latihan kemahiran;
- (hh)* Memaki atau menyumpah, atau menggunakan perkataan yang lucah, keras, mengancam atau mencerca;
- (ii)* Menyebabkan atau tidak membantu menghapuskan kekerasan atau apa-apa keingkaran perintah;
- (jj)* Berkelakuan tidak bermoral, tidak senonoh atau lucah;
- (kk)* Tidak atau enggan menolong mana-mana pegawai tempat tahanan sekiranya berlaku percubaan melarikan diri atau serangan ke atas pegawai atau seseorang tahanan lain;
- (ll)* Malas atau enggan mengikuti latihan kemahiran vokasional atau menunjukkan kecuaiian dalam membuat latihan kemahiran vokasional kepadanya;
- (mm)* Mencacatkan dinding, perabot atau harta kerajaan;
- (nn)* Berpura-pura sakit;
- (oo)* Enggan menjalani rawatan perubatan;
- (pp)* Bersubahat melakukan mana-mana kesalahan kecil;
- (qq)* Apa-apa perbuatan atau peninggalan lain yang menjejaskan ketenteraman atau tatatertib sungguhpun tidak dinyatakan dalam perenggan yang disebut terdahulu;
- (rr)* Percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut terdahulu.

Kesalahan besar

79. Berikut ialah kesalahan-kesalahan besar:

- (a) Dahagi atau menghasut supaya berlakunya dahagi;
- (b) Melarikan diri atau cuba melarikan diri;
- (c) Cubaan atau melakukan perbuatan liwat dan oral seks atau perbuatan lucah melampau;
- (d) Dengan sengaja membuat tanda (*tattoo*) pada anggota badan sendiri atau orang lain;
- (e) Mempunyai dalam milikan atau di bawah kawalan atau jagaan atau mengagihkan atau menyalahgunakan apa-apa dadah berbahaya atau tembakau atau peralatan yang berkaitan dengannya;
- (f) Mempunyai dalam milikan atau di bawah kawalan atau jagaan atau mengagihkan apa-apa senjata berbahaya atau peralatan yang berkaitan dengannya;
- (g) Mempunyai dalam milikan atau di bawah kawalan atau jagaan atau mengagihkan apa-apa alat telekomunikasi atau peralatan yang berkaitan dengannya;
- (h) Mengambil bahagian dalam sesuatu serangan atau serbuan ke atas seseorang pegawai penjara, pelawat dan orang tahanan di tempat tahanan;
- (i) Melakukan sebarang bentuk provokasi terhadap mana-mana pegawai dan kakitangan tempat tahanan, pelawat atau tahanan yang boleh atau mencetuskan kegemparan;

- (j) Dengan sengaja merosakkan harta kerajaan;
- (k) Dengan sengaja menyebabkan sakit, kecederaan atau hilang upaya pada dirinya atau orang lain;
- (l) Dengan sengaja membuat tuduhan palsu atau tidak berasas atau aduan terhadap seseorang pegawai penjara atau kakitangan atau tahanan lain;
- (m) Mengulangi suatu kesalahan kecil setelah dua kali dihukum kerana kesalahan kecil yang sama itu;
- (n) Apa-apa perbuatan salah laku atau ingkar perintah;
- (o) Bersubahat melakukan suatu kesalahan besar;
- (p) Menggunakan bahasa yang kesat atau menyakiti hati yang terlampau terhadap seseorang pegawai penjara atau kakitangan atau pelawat;
- (q) Apabila menjalani, atau sebelum sahaja menjalani hukuman, dengan sengaja menyebabkan kekacauan yang dimaksudkan untuk mengganggu ketenteraman tempat tahanan;
- (r) Menahan dengan salah mana-mana orang;
- (s) Mengambil bahagian dalam apa-apa bentuk mogok;
- (t) Cubaan membunuh diri, atau dengan sengaja mencederakan diri sendiri;
- (u) Dengan sengaja memalsukan atau mengubah pengenalan diri;
- (v) Enggan membenarkan diri dan penempatannya diperiksa oleh pegawai penjara;

- (w) Berbohong apabila menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan oleh seorang pegawai penjara atau kakitangan lain atau seorang pelawat;
- (x) Mencuri pakaian tempat tahanan atau mana-mana bahagian barang tempat tahanan kepunyaan mana-mana tahanan lain;
- (y) Cuba melakukan mana-mana kesalahan yang disebut terdahulu.

Hukuman yang diawardkan oleh Pegawai yang Menjaga bagi kesalahan kecil

80. Seorang Pegawai yang Menjaga, atau semasa ketiadaannya, Pegawai Penjara terkanan selepasnya yang telah diberi kuasa oleh Pegawai yang Menjaga boleh menghukum orang tahanan yang didapati bersalah melakukan kesalahan kecil selepas menjalankan siasatan sewajarnya dengan memerintahnya menjalani satu atau lebih daripada hukuman yang berikut:

- (a) Amaran;
- (b) Pengurangan peringkat bagi tempoh yang tidak melebihi dua bulan;
- (c) Penangguhan kenaikan peringkat bagi tempoh yang tidak melebihi dua bulan;
- (d) Pelucuthakan keistimewaan bagi tempoh yang tidak melebihi dua bulan;
- (e) Penyingkiran daripada Skim bagi tempoh yang tidak melebihi tiga bulan;
- (f) Pengurangan gred insentif sehingga suatu masa orang tahanan itu dianggap layak dikembalikan kepada gred asal oleh sebab kelakuan baik dan kemahiran dalam pertukangannya;
- (g) Pengurangan dalam sel hukuman bagi tempoh tidak melebihi dua puluh satu hari; atau

- (h) Pengurangan dalam sel hukuman dengan diet terhad bagi tempoh tidak melebihi dua puluh satu hari.

Hukuman yang diawardkan oleh Pegawai yang Menjaga bagi kesalahan besar

81. Seseorang Pegawai yang Menjaga, atau semasa ketiadaannya, Pegawai Penjara terkanan selepasnya yang telah diberi kuasa oleh Pegawai yang Menjaga boleh menghukum seseorang tahanan selepas menjalankan siasatan sewajarnya yang didapati bersalah melakukan kesalahan besar tempat tahanan dengan memerintahnya menjalani satu amaran atau lebih hukuman yang berikut:

- (a) Teguran;
- (b) Pengurangan peringkat bagi tempoh yang tidak melebihi empat bulan;
- (c) Penangguhan kenaikan peringkat bagi tempoh yang tidak melebihi empat bulan;
- (d) Pelucuthakan keistimewaan bagi tempoh yang tidak melebihi empat bulan;
- (e) Penyingkiran daripada Skim bagi tempoh yang tidak melebihi enam bulan;
- (f) Pengurangan gred pendapatan sehingga suatu masa orang tahanan itu dianggap layak dikembalikan kepada gred asal oleh sebab kelakuan dan kemahiran dalam pertukangannya;
- (g) Pengurangan dalam sel hukuman bagi tempoh tidak melebihi tiga puluh hari; atau
- (h) Pengurangan dalam sel hukuman dengan diet terhad bagi tempoh tidak melebihi tiga puluh hari.

Pemeriksaan perubatan bagi orang tahanan yang diaward hukuman

82. Kesihatan orang tahanan yang dihukum dengan hukuman diet di bawah perenggan 80(h) dan 81(h) hendaklah diperiksa dan diperakukan oleh pegawai perubatan sebelum hukuman itu dijalankan.

Diet penuh selepas 3 hari memakan diet terhad

83. Apabila orang tahanan diperintahkan menjalani pengurangan dalam sel hukuman bagi tempoh melebihi tiga hari atas suatu diet terhad, dia hendaklah diberikan diet penuh pada tiap-tiap hari yang keempat.

Tempoh maksimum bagi pengurangan rapi dalam satu tahun

84. (1) Pengurangan dalam sel dengan diet terhad tidak boleh melebihi agregat satu ratus dua puluh hari dalam satu tahun bagi mana-mana orang tahanan.

(2) Pelaksanaan mana-mana dua hukuman secara serentak yang disebut dalam subperaturan (1), hendaklah dipisahkan oleh tempoh yang tidak kurang daripada tempoh hukuman yang lebih lama.

Melawat orang tahanan dalam kurungan rapi

85. (1) Orang tahanan yang dihukum kurung dalam sel hukuman tidak boleh berjumpa dengan sesiapa selain pegawai penjara yang menjalankan tugas, guru agama, pegawai pemulihan dan pegawai perubatan.

(2) Orang tahanan yang dirujuk di bawah subperaturan (1) hendaklah dibenarkan menjalankan aktiviti senaman sebagaimana diperakui oleh pegawai perubatan sebagai perlu bagi kesihatannya.

(3) Tiap-tiap orang tahanan yang menjalani pengurangan dalam sel hukuman dan pengurangan dalam sel hukuman dengan diet terhad hendaklah dilawati sekurang-kurangnya sekali sehari oleh Pegawai yang Menjaga dan pegawai perubatan.

Pakaian dan kelengkapan tempat tidur bagi orang tahanan yang menjalani hukuman

86. Orang tahanan yang menjalani hukuman hendaklah dibekalkan dengan pakaian dan kelengkapan tempat tidur sebagaimana yang perlu.

Menjalankan hukuman

87. (1) Orang tahanan yang melakukan kesalahan semasa berada di sesuatu tempat tahanan boleh dibicara dan menjalani hukuman di tempat tahanan lain sekiranya orang tahanan itu dipindahkan.

(2) Pegawai yang Menjaga tempat tahanan di mana kesalahan itu dilakukan hendaklah mengendalikan perbicaraan itu.

(3) Apa-apa hukuman yang dikenakan ke atas seseorang tahanan boleh dijalankan dalam mana-mana tempat tahanan atau sebahagiannya dalam suatu tempat tahanan dan sebahagian lagi dalam suatu tempat tahanan lain atau penjara.

Peremitan hukuman

88. (1) Jika mana-mana hukuman didapati tidak sesuai diteruskan oleh orang tahanan, maka Pegawai yang Menjaga boleh atas syor pegawai perubatan menggantikan baki hukuman tersebut dengan hukuman lain yang lebih ringan.

(2) Pegawai yang Menjaga hendaklah merekodkan peringanan itu dalam Buku Hukuman dan Rekod Orang Tahanan.

Rekod hukuman

89. Pegawai yang Menjaga hendaklah mencatat dalam buku hukuman dan Rekod perkara-perkara yang berikut:

(a) Butir-butir orang tahanan;

(b) Tarikh kesalahan dilakukan;

- (c) Butir-butir kesalahan;
- (d) Laporan pegawai perubatan;
- (e) Rayuan;
- (f) Keputusan dan hukuman; dan
- (g) Tarikh hukuman mula dilaksanakan.

Penyata hukuman

90. Penyata bagi hukuman hendaklah dikemukakan kepada Komisioner Jeneral pada setiap bulan.

Pendakwaan dalam mahkamah

91. Tiada apa-apa dalam Peraturan-Peraturan ini boleh diertikan sebagai mengecualikan mana-mana orang tahanan daripada didakwa kerana apa-apa kesalahan mengikut perjalanan biasa undang-undang, akan tetapi tiada seseorang tahanan boleh dihukum dua kali kerana kesalahan yang sama.

Alat belunggu

92. (1) Alat belunggu seperti gari, rantai dan baju pasung tidak boleh sekali-kali digunakan sebagai hukuman atau belunggu kecuali dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) Sebagai langkah berjaga-jaga terhadap kelarian;
- (b) Atas alasan perubatan dengan arahan pegawai perubatan;
- (c) Dengan perintah Pegawai yang Menjaga, jika kaedah-kaedah lain gagal, bagi menghalang seseorang tahanan daripada mencederakan dirinya atau orang lain atau daripada memusnahkan harta.

(2) Corak dan cara penggunaan alat belenggu hendaklah diputuskan oleh Komisioner Jeneral dan alat itu tidak boleh digunakan bagi apa-apa tempoh masa yang lebih lama daripada yang betul-betul perlu.

Pengurungan sementara dalam sel khas

93. Pegawai yang Menjaga boleh atas alasan-alasan keselamatan memerintahkan mana-mana orang tahanan dikurung secara sementara dalam bilik asing atau bilik kurungan yang sesuai, tetapi tiada seorang pun orang tahanan dikurung dalam bilik berkenaan sebagai hukuman atau bagi tempoh yang lebih lama daripada yang perlu.

BAHAGIAN XI

KELARIAN

Menjaga tangga, papan, dsb.

94. Pegawai hendaklah berjaga-jaga dengan bersungguh-sungguh untuk mencegah kelarian mana-mana orang tahanan dan tiada tangga, papan, tali, rantai atau apa-apa jua yang mungkin memudahkan orang tahanan melarikan diri boleh dibiarkan tidak terjaga dalam mana-mana tempat tahanan.

Tindakan sekiranya ada kejadian kelarian

95. Apabila menerima laporan bahawa seseorang tahanan telah melarikan diri, Pegawai yang Menjaga hendaklah—

- (a) memerintahkan supaya tempat tahanan dan kawasan yang berhampiran dengannya diteledah dengan serta-merta;
- (b) memberitahu Komisioner Jeneral dengan serta-merta; dan
- (c) mengedarkan pemberitahuan mengenai kelarian itu dan perihalan orang tahanan itu kepada pihak polis dan pihak berkuasa lain yang berkaitan.

Pengawasan khas orang tahanan yang lepas lari

96. (1) Orang tahanan yang, semasa tahanan terdahulu dalam jagaan yang sah yang pernah melarikan diri atau cuba melarikan diri akan dianggap dan dilayan sebagai pelarian berpotensi tinggi melainkan jika Pegawai yang Menjaga atas alasan-alasan khas mengarahkan sebaliknya.

(2) Pelarian berpotensi tinggi yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah memakai di atas pakaiannya tanda khas yang berbeza sebagaimana yang ditentukan oleh Komisioner Jeneral.

BAHAGIAN XII

AJARAN AGAMA

Tahanan kena menyatakan anutan agama

97. Tiap-tiap orang tahanan semasa dimasukkan hendaklah dikehendaki menyatakan anutan agamanya dan hendaklah terus dianggap sebagai anggota anutan itu.

Pertukaran agama

98. Seseorang orang tahanan tidak boleh dibenarkan menukarkan agamanya kecuali dalam apa-apa hal yang khas yang Pegawai yang Menjaga itu berpuas hati, selepas penyiasatan yang sewajarnya, bahawa pertukaran itu datang daripada motif hati nurani dan bukannya daripada apa-apa helah atau hasrat untuk melarikan diri daripada tatatertib tempat tahanan.

Pendidikan agama

99. Pegawai yang Menjaga hendaklah membuat perkiraan untuk mengadakan pendidikan agama atau moral bagi orang tahanan di bawah jagaannya oleh orang yang berikut:

- (a) Pegawai penjara atau pegawai pemulihan yang berkelayakan menjadi guru agama;
- (b) Berkenaan dengan orang tahanan yang beragama Islam mana-mana orang yang diberikan "tauliah" di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pentadbiran agama Islam; dan
- (c) Berkenaan dengan orang tahanan yang bukan beragama Islam, seseorang yang dinamakan oleh mana-mana persatuan agama yang berdaftar dengan sahnya.

Amalan dan ajaran agama

100. Peruntukan hendaklah dibuat bagi mengamalkan agama, bagi lawatan kakitangan agama atau anggota lain persatuan agama yang berdaftar dengan sahnya dan bagi pengajaran moral dan agama kepada orang tahanan.

Lawatan oleh kakitangan agama atau anggota lain persatuan agama

101. (1) Kakitangan agama daripada Jabatan Kerajaan atau anggota persatuan agama yang berdaftar boleh dibenarkan masuk pada masa yang munasabah dan sesuai ke dalam tempat tahanan untuk melawat orang tahanan yang memerlukan perkhidmatan mereka.

(2) Pegawai yang Menjaga boleh menghalang atau menghentikan lawatan atau perkhidmatan ini pada bila-bila masa demi kepentingan keselamatan tempat tahanan.

Buku agama

102. Maka hendaklah setakat yang praktik boleh diadakan, bagi kegunaan tiap-tiap orang tahanan buku agama yang dianuti dan arahan atau apa-apa barang keagamaan lain yang diiktiraf bagi anutannya sebagaimana yang diterima oleh Pegawai yang Menjaga bagi kegunaan tempat tahanan.

BAHAGIAN XIII

PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN AM

Kelas pendidikan

103. (1) Di bawah kebenaran dan syarat-syarat sebagaimana yang Komisioner Jeneral boleh tentukan, kursus koresponden, pembelajaran persendirian dan latihan kemahiran boleh dibenarkan di setiap tempat tahanan untuk faedah orang tahanan.

(2) Tiap-tiap orang tahanan yang boleh mendapat manfaat melalui kemudahan pendidikan yang disediakan hendaklah digalakkan untuk berbuat demikian.

Perpustakaan

104. Suatu perpustakaan hendaklah disediakan dalam tiap-tiap tempat tahanan, dan, tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini dan kepada apa-apa syarat sebagaimana yang Komisioner Jeneral boleh tentukan, tiap-tiap orang tahanan hendaklah dibenarkan untuk mempunyai buku perpustakaan dan menukar buku dengan buku lain dengan seberapa kerap yang boleh dipraktikkan.

Ceramah dan konsert, dsb.

105. Pegawai yang Menjaga boleh mengatur untuk diadakan ceramah, konsert, perbahasan dan program lain bagi orang tahanan dalam masa yang ditentukan oleh Pegawai yang Menjaga.

Latihan fizikal dan rekreasi

106. Di setiap tempat tahanan kemudahan akan disediakan hendaklah untuk latihan fizikal, permainan dan rekreasi untuk kedua-dua fizikal dan mental.

Guru sukarela

107. Komisioner Jeneral boleh, atas pengesyoran Pegawai yang Menjaga, melantik sebilangan pelawat tempat tahanan yang mencukupi sebagai guru sukarela bagi maksud melawat orang tahanan secara berkala sepanjang tempoh penahanan dan mengendalikan apa-apa kelas sebagaimana yang diluluskan.

BAHAGIAN XIV

LEMBAGA HAKIM PELAWAT

Hakim Pelawat

108. (1) Menteri hendaklah, bagi tiap-tiap dua tahun, menubuhkan suatu Lembaga Hakim Pelawat untuk setiap Negeri dan Wilayah Persekutuan.

(2) Hakim Pelawat hendaklah terdiri –

- (a) seorang Ketua Pengerusi;
- (b) Pengerusi yang dilantik di setiap tempat tahanan; dan
- (c) mana-mana Majistret kanan di suatu Negeri dan Wilayah Persekutuan di suatu tempat yang tempat tahanan itu terletak sebagai anggota *ex-officio*.

(3) Menteri boleh menentukan pembayaran elaun bagi anggota Lembaga Hakim Pelawat bagi maksud melawat tempat tahanan, menghadiri mesyuarat, kursus, seminar dan dialog.

Fungsi Hakim Pelawat

109. (1) Hakim Pelawat yang dilantik di suatu tempat tahanan hendaklah melawat tempat tahanan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan dan bagi menjalankan fungsinya –

- (a) untuk memeriksa semua bahagian tempat tahanan;
- (b) untuk memeriksa jurnal, daftar dan buku tempat tahanan;
- (c) untuk memeriksa makanan;

- (d) untuk mendengar apa-apa aduan oleh orang tahanan;
- (e) untuk memastikan bahawa peraturan tempat tahanan dipatuhi dengan tegas;
- (f) untuk mengadakan mesyuarat, seminar, dialog dan aktiviti;
- (g) untuk mengemukakan suatu laporan dan pengesyoran kepada Pegawai yang Menjaga selepas lawatan; dan
- (h) untuk menyertai apa-apa aktiviti untuk orang tahanan dan pegawai penjara di tempat tahanan,

bagi maksud memastikan bahawa Peraturan-Peraturan ini dan Perintah Tetap yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini dipatuhi.

(2) Lembaga Hakim Pelawat hendaklah menyediakan laporan tahunan yang mengandungi hasil lawatan, aktiviti dan cadangan kepada Menteri dan sesalinan laporan itu hendaklah juga dikemukakan kepada Komisioner Jeneral.

(3) Apabila menerima laporan sedemikian Menteri boleh mengambil tindakan atas hasil laporan serta cadangan oleh Lembaga Hakim Pelawat itu bagi manfaat orang tahanan.

(4) Semasa pemeriksaan, Pegawai yang Menjaga atau pegawai penjara terkanan selepasnya tidak boleh mengiringi anggota Hakim Pelawat, tetapi hendaklah memberi apa-apa bantuan dalam pemeriksaan mereka dan hendaklah mengarahkan seorang pegawai penjara untuk mengiringi mereka.

(5) Buku minit Hakim Pelawat hendaklah disediakan oleh Pegawai yang Menjaga untuk merekodkan lawatan mereka.

(6) Suatu salinan catatan mereka, berserta dengan apa-apa maklumbalas oleh Pegawai yang Menjaga, hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Hakim Pelawat dan kepada Komisioner Jeneral sebaik selepas lawatan itu dilakukan.

BAHAGIAN XV

TUGAS KOMISIONER JENERAL

Tugas Komisioner Jeneral

110. Komisioner Jeneral hendaklah-

- (a) secara sistematik melawat dan memeriksa atau menyebabkan supaya diperiksa semua tempat tahanan di Malaysia;
- (b) menyediakan pengurusan yang baik tempat tahanan yang baginya dia dilantik; dan
- (c) bertanggungjawab kepada Menteri bagi-
 - (i) kelakuan dan tingkah laku pegawai penjara dan orang tahanan di bawah kawalannya; dan
 - (ii) semua undang-undang bertulis, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan perintah berhubungan dengan tempat tahanan atau orang tahanan hendaklah dipatuhi sewajarnya oleh pegawai penjara dan orang tahanan;
 - (iii) melaporkan apa-apa perkara yang dianggapnya patut dibawa kepada perhatian Kerajaan dan setahun sekali, hendaklah mengemukakan laporan penuh mengenai tempat tahanan di Malaysia kepada Menteri.

Perintah Tetap Komisioner Jeneral

111. (1) Bagi pentadbiran dan tata tertib yang baik tempat tahanan, Komisioner Jeneral boleh membuat Perintah Tetap yang selaras dengan Peraturan-Peraturan ini.

(2) Perintah Tetap hendaklah mengikat semua pegawai penjara dan orang tahanan.

BAHAGIAN XVI

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI YANG MENJAGA

Tugas Pegawai yang Menjaga

112. (1) Pegawai yang Menjaga hendaklah bertanggungjawab bahawa semua undang-undang bertulis, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan perintah yang berhubungan dengan tempat tahanan, orang tahanan dan kakitangan dipatuhi dengan tegas dan segala rekod, akaun, dokumen dan surat menyurat disimpan dengan sebaiknya, disenggarakan dengan kemas kini, dan dalam jagaan selamat.

(2) Tertakluk kepada perintah Komisioner Jeneral, Pegawai yang Menjaga hendaklah-

- (a) bertanggungjawab bagi pengurusan yang baik tempat tahanan yang baginya dia dilantik; dan
- (b) bertanggungjawab kepada Komisioner Jeneral bagi-
 - (i) kelakuan pegawai penjara dan orang tahanan di bawah kawalannya;
 - (ii) semua undang-undang bertulis, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan perintah berhubungan dengan tempat tahanan atau orang tahanan hendaklah dipatuhi sewajarnya oleh orang tahanan dan pegawai penjara;

- (iii) melaporkan kepada Komisioner Jeneral dengan segera apa-apa kejadian pelanggaran atau pengabaian tugas oleh seorang pegawai penjara atau orang tahanan;
- (iv) melaporkan segala kelarian, penyebaran penyakit atau apa-apa kejadian keadaan luar biasa; dan
- (v) menyimpan suatu jurnal yang di dalamnya hendaklah direkodkan semua perkara penting yang berhubungan dengan tempat tahanan atau orang tahanan, dan perkara yang Komisioner Jeneral arahkan untuk disimpan suatu rekod oleh Peraturan-Peraturan ini.

Penyenggaraan rekod

113. Tiap-tiap Pegawai yang Menjaga hendaklah bertanggungjawab memastikan bahawa rekod yang sewajarnya disimpan dalam semua hal keadaan, dan apa-apa surat-menyurat yang berkaitan dengan hal keadaan itu, yang menyentuh kepentingan orang tahanan tertentu, dan hendaklah membawa hal itu kepada perhatian Komisioner Jeneral selepas masa itu, atau pada masa itu atau pada bila-bila masa senggang, sebagaimana yang sepatutnya dalam setiap hal.

Pemeriksaan tempat tahanan

114. Pegawai yang Menjaga-

- (a) hendaklah secara kerap, dan tidak boleh kurang daripada sekali sehari, memeriksa semua atau mana-mana bahagian tempat tahanan dan berjumpa dengan orang tahanan, melainkan jika Komisioner Jeneral mengarahkan selainnya; dan
- (b) hendaklah melawat semua atau mana-mana bahagian tempat tahanan itu pada suatu masa yang tidak ditetapkan pada waktu malam sekurang-kurangnya sekali seminggu dan hendaklah merekodkan pemeriksaan dan lawatan itu dalam jurnalnya.

Aduan dan permohonan oleh orang tahanan, dsb.

115. Pegawai yang Menjaga–

- (a) hendaklah memastikan bahawa orang tahanan yang mempunyai aduan atau permohonan untuk dibuat dibenarkan membuatnya;
- (b) hendaklah memastikan bahawa arahan pegawai perubatan dilaksanakan; dan
- (c) hendaklah memberikan perhatian khas kepada orang tahanan yang berada di hospital atau yang sedang menjalani hukuman kerana kesalahan tempat tahanan.

Pemeriksaan makanan

116. (1) Pegawai yang Menjaga hendaklah, dari semasa ke semasa, melawat orang tahanan pada waktu makan dan menyiasat apa-apa aduan yang dibuat kepadanya berhubung dengan rangsum.

(2) Pegawai yang Menjaga hendaklah memastikan semua sel, kelengkapan tempat tidur dan kunci, mencukupi dan berfungsi.

Perbarisan orang tahanan

117. (1) Pegawai yang Menjaga hendaklah memastikan bahawa perbarisan orang tahanan yang dibawa keluar, dilatih, ditempatkan ke dalam sel dan semasa pertukaran tugas pegawai penjara di tempat tahanan, dikira setiap hari.

(2) Pegawai yang Menjaga hendaklah menerima sekurang-kurangnya empat kali laporan perbarisan orang tahanan setiap hari.

Kematian orang tahanan

118. Pegawai yang Menjaga hendaklah, apabila orang tahanan sakit teruk atau mati, memberikan notis segera kepada saudara-mara orang tahanan atau si mati yang paling terdekat dan boleh dihubungi, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Majistret hendaklah diberitahu

119. Pegawai yang Menjaga hendaklah, apabila berlakunya kematian orang tahanan, memberikan notis tentang kematian dengan segera kepada -

(a) pihak polis;

(b) Majistret yang berhampiran sekali dalam Negeri itu; dan

(c) Komisioner Jeneral.

Pengesyoran oleh pegawai perubatan

120. (1) Pegawai yang Menjaga hendaklah setakat yang praktik melaksanakan apa-apa syor bertulis yang dibuat oleh pegawai perubatan atas alasan kesihatan, bagi pengubahan tata tertib atau rawatan mana-mana orang tahanan, atau bagi pengasingannya daripada orang tahanan lain.

(2) Pegawai yang Menjaga hendaklah merujuk mana-mana orang tahanan yang sakit termasuklah gangguan mental bagi rawatan.

Penyakit yang mengancam nyawa orang tahanan

121. (1) Pegawai yang Menjaga hendaklah, tanpa kelengahan, melaporkan kepada Komisioner Jeneral mana-mana kes yang pegawai perubatan berpandangan bahawa keadaan mental orang tahanan terjejas atau lemah dengan penerusan tahanan, atau nyawa orang tahanan boleh terancam dengan penahanan lanjut, atau mana-mana orang tahanan sakit tidak boleh menjalani hukumannya, atau tidak sesuai secara keseluruhan atau secara kekal bagi menjalani tata tertib tempat tahanan.

(2) Apabila menerima laporan daripada pegawai perubatan bahawa mana-mana orang tahanan –

(a) menghadapi penyakit yang akut;

- (b) menghidapi penyakit yang mengancam nyawanya dan tahanan lain;
- (c) menghidapi penyakit gangguan mental; atau
- (d) nyanyuk;

Pegawai yang Menjaga boleh membuat pengesyoran kepada Menteri mengenai orang tahanan itu.

(3) Sekiranya mana-mana orang tahanan didapati mempunyai apa-apa penyakit yang merebak atau berjangkit, atau diserang dengan vermin, suatu laporan hendaklah dikemukakan dengan segera kepada pegawai perubatan yang di bawah arahnya, langkah-langkah hendaklah diambil untuk merawat keadaan itu dan untuk mencegahnya daripada merebak kepada orang tahanan lain.

Kebenaran untuk melihat tempat tahanan

122. (1) Pegawai yang Menjaga tidak boleh membenarkan mana-mana orang untuk melihat tempat tahanan melainkan jika orang itu boleh mengemukakan perintah secara bertulis daripada Menteri atau Komisioner Jeneral yang membenarkannya untuk melihat tempat tahanan.

(2) Pegawai yang Menjaga hendaklah memastikan bahawa tiada seorang pun yang dibenarkan melihat tempat tahanan itu membuat lakaran atau mengambil gambar atau membuat rakaman melalui rakaman audio visual atau membuat apa-apa komunikasi dengan orang tahanan melainkan jika dibenarkan.

(3) Pegawai yang Menjaga hendaklah memastikan tiap-tiap pelawat ke tempat tahanan diiringi sepanjang lawatannya itu oleh pegawai penjara.

Buku

123. Pegawai yang Menjaga hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan–

- (a)* suatu Rekod bagi setiap orang tahanan, dengan hukuman, tarikh sabitan dan tarikh hukuman itu tamat, dan nama, umur, ketinggian, berat, tanda-tanda tertentu, perawakan am orang tahanan dan apa-apa butiran lain yang diperlukan;
- (b)* suatu buku pembebasan harian, dalam bentuk diari, yang dalamnya Pegawai yang Menjaga hendaklah mencatatkan, semasa diterima masuk, nama tiap-tiap orang tahanan di bawah tarikh pembebasan yang sepatutnya;
- (c)* suatu buku harta benda orang tahanan yang berkenaan yang disimpan dalam bentuk yang diluluskan;
- (d)* suatu buku hukuman orang tahanan yang dalamnya hendaklah direkodkan nama tiap-tiap orang tahanan yang dihukum kerana kesalahan tempat tahanan, hukumann yang dikenakan dan nama pegawai yang memerintahkan hukuman itu dan juga perakuan Pegawai perubatan sama ada orang tahanan itu sihat dari segi fizikal untuk menjalani hukuman sebagaimana yang diperintahkan, dan tarikhnya;
- (e)* suatu akaun tunai runcit;
- (f)* suatu akaun bagi segala penerimaan dan pembayaran;
- (g)* suatu buku pelawat, yang mengandungi suatu rekod mengenai semua lawatan ke tempat tahanan itu;
- (h)* suatu buku minit bagi Hakim Pelawat;

- (i) suatu buku pelawat rasmi yang mengandungi rekod semua pelawat rasmi ke tempat tahanan itu;
- (j) suatu senarai buku dan dokumen yang diletakkan di bawah jagaannya; dan
- (k) apa-apa buku atau rekod lain sebagaimana yang Komisioner Jeneral boleh arahkan.

Pemeriksaan bangunan, jentera, dsb.

124. Pegawai yang Menjaga hendaklah memeriksa dan memastikan bahawa semua mesin dan semua bangunan yang bersambung dengan tempat tahanan disenggarakan dalam keadaan pembaikan yang sepatutnya dan bahawa semua langkah berhati-hati terhadap kemalangan kepada orang tahanan dikuatkuasakan dengan sewajarnya.

Representasi oleh orang tahanan

125. (1) Apabila orang tahanan dibawa ke suatu tempat tahanan, Pegawai yang Menjaga hendaklah dengan seberapa segera yang praktik mengingatkan orang itu akan haknya untuk membuat representasi.

(2) Orang tahanan yang enggan untuk menerima penyampaian apa-apa dokumen pada masa dia disampaikan dengan perintah tahanan itu boleh meminta Pegawai yang Menjaga, untuk menyampaikan borang yang sepatutnya kepadanya bagi maksud itu dan Pegawai yang Menjaga itu hendaklah apabila permintaan itu dibuat, menyampaikan tiga salinan borang tersebut kepada orang tahanan itu.

(3) Pegawai yang Menjaga hendaklah seberapa segera, mengemukakan kepada Setiausaha Lembaga Penasihat apa-apa petisyen yang diterima daripada orang tahanan.

Harta orang tahanan

126. Pegawai yang Menjaga hendaklah mengambil jagaan tertentu untuk memastikan bahawa tiap-tiap langkah berhati-hati diambil bagi memastikan jagaan selamat harta orang tahanan dan mengelakkan kehilangan atau penyalahgunaan harta itu.

Permintaan daripada penjaga stor

127. Pegawai yang Menjaga hendaklah bertanggungjawab untuk memeriksa dan meluluskan semua permintaan yang dibuat kepada penjaga stor.

Jagaan tempat tahanan dalam hal ketiadaan Pegawai yang Menjaga

128. Jagaan tempat tahanan itu hendaklah dengan ketiadaan Pegawai yang Menjaga terletak kepada pegawai penjara terkanan yang berikutnya, dan pegawai itu hendaklah berwibawa untuk melaksanakan dan hendaklah melaksanakan apa-apa tugas yang dikehendaki dilaksanakan oleh Pegawai yang Menjaga.

Tindakan dalam hal kecemasan

129. Dalam hal kecemasan yang mengejut Pegawai yang Menjaga hendaklah mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang perlu mengikut hal keadaannya, mencatatkan butiran ke dalam jurnalnya, dan dengan serta-merta membuat suatu laporan mengenai kecemasan mengejut itu kepada Komisioner Jeneral.

Rujukan kepada Komisioner Jeneral

130. Pegawai yang Menjaga hendaklah merujuk kepada Komisioner Jeneral segala soal mengenai pengurusan tempat tahanan yang tidak dapat diuruskan oleh mereka sendiri.

Anggaran tahunan

131. Pegawai yang Menjaga hendaklah menyediakan anggaran tahunan bagi tempat tahanan di bawah jagaan mereka dan mengemukakan anggaran tahunan itu kepada Komisioner Jeneral.

Kawalan perbelanjaan

132. Pegawai yang Menjaga hendaklah sentiasa mengawasi dengan ketat perbelanjaan wang awam yang diuntukkan bagi tempat tahanannya dan dia hendaklah memastikan supaya segala wang yang diterima itu digunakan dengan sepatutnya.

Laporan Tahunan tempat tahanan

133. Pegawai yang Menjaga hendaklah memberi kepada Komisioner Jeneral, sebelum 31 haribulan Januari dalam setiap tahun, suatu laporan mengenai tempat tahanan di bawah jagaannya, sebagai tambahan kepada laporan berkala atau laporan khas sebagaimana yang dikehendaki selainnya.

BAHAGIAN XVII

PEGAWAI PERUBATAN, DSB.

Pegawai perubatan residen dan kehadiran di tempat tahanan

134. (1) Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi kesihatan hendaklah melantik beberapa orang pegawai perubatan dan pegawai pergigian Kerajaan sebagai pegawai perubatan dan pegawai pergigian tempat tahanan sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(2) Sekiranya hal keadaan tidak membenarkan perlantikan di bawah subperaturan (1) dibuat, maka Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi kesihatan boleh melantik mana-mana pengamal perubatan berdaftar atau doktor gigi berdaftar sebagai pegawai perubatan atau pegawai pergigian bagi mana-mana tempat tahanan yang tertentu.

Pemeriksaan orang tahanan dan lawatan orang tahanan

135. Pegawai perubatan—

- (a) hendaklah memeriksa tiap-tiap orang tahanan dengan seberapa segera yang boleh selepas diterima masuk dan membuat catatan dalam Rekod kemasukan yang dikehendaki oleh peraturan 18;

- (b) hendaklah memeriksa tiap-tiap orang tahanan sebelum orang tahanan itu dibenarkan menjalani latihan;
- (c) hendaklah memeriksa tiap-tiap orang tahanan sebelum dibebaskan, dipindahkan atau dialihkan;
- (d) hendaklah melawat dengan seberapa kerap yang perlu orang tahanan yang sakit;
- (e) hendaklah, semunasabah mungkin, melawat tiap-tiap kanak-kanak yang menemani tahanan wanita sekerap yang perlu;
- (f) hendaklah melawat tiap-tiap orang tahanan sekali seminggu;
- (g) hendaklah melawat tiap-tiap orang tahanan yang dikenakan pengurangan dalam sel hukuman atas diet terhad yang ditetapkan sekali sehari;
- (h) hendaklah pada masa yang tidak ditetapkan, memeriksa orang tahanan semasa latihan;
- (i) hendaklah melawat orang tahanan yang mengadu sakit;
- (j) hendaklah mengarahkan apa-apa ubah suaian kerja, diet dan hukuman dalam hal-hal tertentu sebagaimana yang difikirkannya perlu; dan
- (k) hendaklah memastikan bahawa berat badan orang tahanan direkodkan dan hendaklah mengkajinya semula secara berkala.

Buku rawatan dan Jurnal

136. (1) Pegawai perubatan hendaklah mencatatkan ke dalam buku rawatan, yang hendaklah disimpan dalam tempat tahanan dan yang boleh dilihat oleh Pegawai yang Menjaga, nama, penyakit, keadaan dan rawatan bagi tiap-tiap orang tahanan yang sakit.

(2) Pegawai perubatan hendaklah menyimpan suatu jurnal yang hendaklah dicatatkan dari hari ke hari teguran mengenai keadaan tempat tahanan dan orang tahanan.

Pemeriksaan tempat tahanan, dsb.

137. Pegawai perubatan hendaklah memeriksa secara berkala tiap-tiap bahagian tempat tahanan dengan rujukan khusus kepada kebersihan, kesihatan orang tahanan, dan diet yang dimasak dengan secukupnya dan sepatutnya.

Kematian orang tahanan

138. (1) Pegawai perubatan hendaklah dengan serta-merta, apabila orang tahanan mati, mencatatkan ke dalam buku rawatan butiran yang berikut:

- (a) Masa dan tarikh penyakit atau kemalangan pertama kali dimaklumi;
- (b) Masa dan tarikh orang tahanan dilaporkan kepadanya;
- (c) Masa dan tarikh orang tahanan dirujuk ke hospital Kerajaan;
- (d) Bila penyakit itu menjadi bahaya;
- (e) Jenis penyakit atau sebab lain kematian; dan
- (f) Masa kematian dan –
 - (i) apa-apa catatan khas yang dia dapati perlu; atau
 - (ii) keputusan pemeriksaan bedah siasat, sekiranya ada.

(2) Pegawai perubatan hendaklah melaporkan secara bertulis kepada Pegawai yang Menjaga selepas sahaja tindakan dalam subperaturan (1) diambil.

Penyakit yang berjangkit atau merebak

139. (1) Pegawai perubatan hendaklah memberikan arahan secara bertulis–

- (a) bagi pengasingan orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit atau merebak;
- (b) bagi pembersihan dan penyahjangkitan mana-mana bilik, sel atau dormitori yang dihuni oleh mana-mana orang tahanan itu; dan
- (c) bagi pembersihan, penyahjangkitan atau pemusnahan, sekiranya perlu, apa-apa pakaian atau kelengkapan tempat tidur yang telah dijangkiti kuman, yang hendaklah dilakukan oleh Pegawai yang Menjaga dengan serta-merta.

(2) Pegawai perubatan hendaklah dalam hal berlakunya suatu wabak, atau penyakit yang mudah berjangkit atau merebak, atau apa-apa hal keadaan lain yang menjejaskan kesihatan orang tahanan yang menghendaki langkah-langkah luar biasa, membuat laporan serta-merta kepada Pegawai Yang Menjaga tanpa menunggu masa apa-apa laporan berkala.

Pegawai perubatan hendaklah melaporkan perkara tertentu

140. Pegawai perubatan hendaklah melaporkan secara bertulis kepada Pegawai yang Menjaga apa-apa luar aturan di hospital tempat tahanan yang diketahuinya, dan apa-apa kesulitan atau halangan yang dialaminya dalam menjalankan tugasnya.

Pemahaman Peraturan-Peraturan

141. Pegawai perubatan hendaklah memahami sepenuhnya Peraturan-Peraturan ini dan mematuhi dan hendaklah membantu Pegawai yang Menjaga dalam mengekalkan jagaan selamat orang tahanan.

Pegawai pergigian

142. Peraturan-peraturan yang terpakai bagi pegawai perubatan hendaklah terpakai, setakat yang dibenarkan bagi pegawai pergigian.

BAHAGIAN XVIII

PEGAWAI PENJARA

Pengambilan masuk

143. (1) Tiap-tiap orang yang diterima bagi pengambilan masuk sebagai pegawai penjara hendaklah, selepas penerimaan perkhidmatannya mematuhi segala terma perkhidmatan.

(2) Tiap-tiap pegawai penjara hendaklah dikeluarkan dengan suatu kad waran bagi maksud menjalankan tugas mereka.

Arahan berkhidmat di mana-mana tempat tahanan

144. Semua pegawai penjara boleh diarahkan untuk bertugas di mana-mana tempat tahanan yang Komisioner Jeneral fikirkan sesuai.

Lawatan malam

145. Pegawai penjara hendaklah memeriksa tiap-tiap bahagian tempat tahanan pada waktu malam antara jam 12 malam hingga jam 5 pagi sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai yang Menjaga.

Aduan atau permohonan oleh orang tahanan

146. (1) Seorang pegawai penjara hendaklah tanpa kelengahan memberitahu Pegawai yang Menjaga atau mana-mana pegawai kanan penjara nama mana-mana orang tahanan yang ingin berjumpa dengannya, atau membuat apa-apa aduan atau permintaan kepada pihak berkuasa atasan.

(2) Suatu rekod hendaklah dibuat atas pemeriksaan itu dalam buku yang disimpan bagi maksud itu.

Jagaan selamat bagi orang tahanan

147. (1) Pegawai penjara hendaklah bertanggungjawab bagi jagaan selamat orang tahanan di bawah jagaan mereka, dan bagi maksud ini mereka hendaklah mengira orang tahanan itu—

- (a) apabila menerima tugas menjaga suatu kumpulan;
- (b) apabila menyerahkan tugas menjaga;
- (c) apabila meninggalkan mana-mana bangunan atau kerja; atau
- (d) dalam mana-mana hal keadaan lain yang memerlukan orang tahanan itu dikira.

(2) Pegawai kanan penjara yang dilantik sebagai Pegawai Bertugas pada setiap hari, hendaklah—

- (a) menyimpan dokumen yang dalamnya hendaklah direkodkan segala perkara mustahak yang berhubung dengan operasi harian tempat tahanan termasuklah—
 - (i) bilangan orang tahanan, yang dikira sekurang-kurangnya tiga kali sehari;
 - (ii) bahagian mana tempat tahanan itu digeledah dan hasil pengeledahan;
 - (iii) butiran mengenai suatu lawatan khas dan nama pegawai yang diarah mengawasinya;

- (iv) butiran mengenai pengiringan keluar orang tahanan dari tempat tahanan;
 - (v) waktu membuka dan menutup tempat tahanan yang akhir sekali dan memeriksa kunci; dan
 - (vi) apa-apa kejadian luar biasa atau yang penting:
-
- (b) memastikan penempatan dan pertukaran orang tahanan direkodkan;
 - (c) memastikan latihan kemahiran orang tahanan direkodkan;
 - (d) memastikan jumlah insentif latihan kemahiran yang diperolehi orang tahanan direkodkan;
 - (e) memastikan senjata api, peluru, gari, kunci dan peralatan keselamatan lain diperiksa, dikira dan direkodkan dari semasa ke semasa;
 - (f) memastikan waktu membuka dan menutup tempat tahanan dipatuhi;
 - (g) memastikan bilangan kunci dan keadaan kunci sempurna pada setiap hari; dan

- (h) memastikan setiap orang tahanan diperiksa dengan rapi apabila dibawa masuk atau keluar dari sel, tempat latihan atau tempat lain dan semua barang yang dilarang hendaklah dirampas.

Penyenggaraan rekod

148. (1) Pegawai Bertugas hendaklah memulakan tugas dengan perbarisan pegawai dan menetapkan tugas pegawai bagi giliran berkenaan.

(2) Dalam masa mengadakan perbarisan pegawai, Pegawai Bertugas hendaklah memastikan supaya semua pegawai itu berupaya menjalankan dan berpengetahuan sepatutnya dengan tugas mereka.

(3) Pegawai Bertugas hendaklah membacakan kepada mereka apa-apa perintah baru dari buku perintah Pegawai yang Menjaga.

Pemeriksaan ke atas pegawai penjara

149. Tiap-tiap pegawai penjara hendaklah mengizinkan dirinya, kenderaan dan rumahnya di dalam kawasan tempat tahanan diperiksa oleh Pegawai yang Menjaga atau oleh mana-mana pegawai lain mengikut arahan sebagaimana difikirkan patut diberi oleh Pegawai yang Menjaga.

Mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan, dsb., dan perintah

150. (1) Tiap-tiap pegawai penjara hendaklah mematuhi dengan tegas semua undang-undang bertulis, peraturan-peraturan, dan Perintah Tetap yang berhubungan dengantempat tahanan dan hendaklah mematuhi segala perintah yang sah di sisi undang-undang, bertulis atau lisan, daripada pegawai yang lebih kanan daripada mereka dalam perkhidmatan itu.

(2) Pegawai penjara tidak boleh meninggalkan tempat tahanan itu dalam masa bekerja tanpa kebenaran Pegawai Bertugas dan sebelum meninggalkan tempat tahanan

pada bila-bila masa mereka hendaklah meninggalkan kunci, senjata dan buku di tempat yang ditetapkan.

Komunikasi yang tidak dibenarkan kepada akhbar

151. Tiada seorang pun pegawai penjara atau mana-mana orang yang bekerja di tempat tahanan boleh membuat apa-apa komunikasi yang tidak dibenarkan berkenaan dengan mana-mana tempat tahanan atau orang tahanan kepada mana-mana orang dan tidak boleh, tanpa kebenaran Komisioner Jeneral, membuat komunikasi kepada akhbar awam mengenai maklumat yang didapati daripada punca rasmi atau yang berkaitan dengan tugasnya atau tempat tahanan itu, dan apa-apa komunikasi oleh seorang pegawai tanpa kebenaran, akan dianggap sebagai suatu pecah keyakinan dan akan menyebabkannya boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Fi, ganjaran, dsb. yang tidak dibenarkan

152. (1) Tiada seorang pun pegawai penjara boleh menerima apa-apa fi atau ganjaran, atau mempunyai apa-apa urusan wang dengan, atau bagi pihak, mana-mana orang tahanan atau mana-mana pelawat bagi mana-mana orang tahanan.

(2) Tiada seorang pun pegawai penjara boleh meminjam wang daripada mana-mana orang yang ada kaitan dengan suatu kontrak bagi pembekalan makanan atau barang lain bagi kegunaan mana-mana tempat tahanan.

Mempunyai kepentingan dalam kontrak tempat tahanan dilarang

153. Tiada seorang pun pegawai penjara atau anggota keluarga mana-mana pegawai penjara boleh dengan secara langsung atau tidak langsung mempunyai apa-apa kepentingan dalam apa-apa kontrak atau bekalan yang berkaitan dengan mana-mana tempat tahanan dan tidak boleh dengan apa-apa alasan menerima apa-apa fi atau ganjaran daripada mana-mana orang yang ada kena mengena dengan apa-apa kontrak atau bekalan itu.

Laporan salah laku, dsb.

154. Tiada seorang pun pegawai penjara boleh dengan apa-apa alasan gagal membuat suatu laporan segera kepada pegawai atasannya mengenai apa-apa perbuatan salah

laku atau perbuatan tidak mematuhi Peraturan-Peraturan ini dengan sengaja atau apa-apa cacian atau keadaan tidak senonoh yang diketahuinya.

Komunikasi dengan saudara-mara orang tahanan

155. Tiada seorang pun pegawai penjara boleh menulis surat atau berhubung dengan apa-apa cara dengan rakan atau saudara-mara mana-mana orang tahanan, melainkan jika dibenarkan dengan nyata oleh Pegawai yang Menjaga.

Surat akuan tidak boleh diberikan kepada orang tahanan

156. Tiada seorang pun pegawai penjara boleh memberikan apa-apa perakuan atau surat akuan kepada, atau berkenaan dengan, mana-mana orang tahanan mengenai kelakuannya di tempat tahanan atau selainnya.

Pengedaran dengan orang tahanan

157. Tiada seorang pun pegawai penjara boleh menyampaikan apa-apa perhubungan, bungkusan atau barang kepada atau daripada mana-mana orang tahanan tanpa perintah Pegawai yang Menjaga.

Tembakau atau arak

158. Seorang pegawai penjara tidak boleh menggunakan tembakau atau arak berspirit atau berperam dalam kawasan mana-mana tempat tahanan.

Pegawai rendah penjara tidak boleh menghukum orang tahanan

159. Tiada seorang pun pegawai rendah penjara boleh menghukum orang tahanan kecuali apabila diperintahkan untuk berbuat demikian.

Tidak boleh memasuki sel orang tahanan pada waktu malam

160. Tiada seorang pun pegawai penjara boleh memasuki sel orang tahanan pada waktu malam dengan tidak diiringi oleh seorang pegawai lain kecuali dalam hal yang sangat perlu dan dalam hal keadaan sedemikian dia hendaklah membuat laporan segera kepada pegawai kanan yang menjaga tempat tahanan itu dan hendaklah membuat laporan bertulis kepada Pegawai yang Menjaga dengan seberapa segera yang boleh.

Berbual-bual atau berhubung rapat dengan orang tahanan

161. (1) Tiada seorang pun pegawai penjara boleh berbual-bual mengenai perkara yang tidak perlu dengan orang tahanan atau melakukan apa-apa jua dengan perkataan, gerak geri atau tingkah laku yang boleh mendatangkan kemarahan orang tahanan.

(2) Tiada seorang pun pegawai penjara boleh membiarkan mana-mana orang tahanan berbaik-baik dengannya atau dengan mana-mana pegawai penjara yang lain atau dalam apa-apa keadaan bercakap tentang tugasnya atau tentang apa-apa perkara mengenai tata tertib atau perkiraan tempat tahanan itu dalam pendengaran orang tahanan itu.

Aduan atau permohonan oleh orang tahanan

162. Seorang pegawai penjara hendaklah tanpa kelengahan memberitahu Pegawai yang Menjaga atau mana-mana pegawai kanan penjara nama mana-mana orang tahanan yang berhasrat untuk berjumpa dengannya, atau hendak membuat apa-apa aduan, atau untuk membuat apa-apa permintaan kepada pihak berkuasa atasan.

Jagaan selamat bagi orang tahanan

163. Pegawai penjara hendaklah bertanggungjawab bagi jagaan selamat orang tahanan di bawah jagaan mereka, dan bagi maksud ini mereka hendaklah membilang orang tahanan itu sekurang-kurangnya sekali bagi tiap-tiap setengah jam, setakat yang dibenarkan oleh keadaan, dan sentiasa membilang—

(a) apabila menerima tugas menjaga sesuatu kumpulan;

(b) apabila menyerahkan tugas menjaga;

(c) apabila meninggalkan mana-mana bangunan atau kerja; atau

(d) dalam mana-mana hal keadaan lain yang memerlukan orang tahanan itu dibilang.

Menyerahkan tugas

164. Semua pegawai penjara apabila digantikan oleh pegawai lain daripada apa-apa tugas tertentu atau dipindahkan ke bahagian lain tempat tahanan itu, hendaklah menyatakan kepada penggantinya perkara yang mustahak berkaitan dengan tugas mereka, dan menerangkan apa-apa arahan pegawai atasan yang menyentuh mana-mana orang tahanan tertentu.

Kaedah berkenaan dengan penggunaan senjata api

165. Pegawai penjara hendaklah membiasakan diri mereka dengan peruntukan seksyen 22 Akta Penjara 1995 dan Perintah Tetap, dan apabila membawa senjata api hendaklah menggunakannya dengan mematuhi secara ketat peruntukan Akta dan Perintah Tetap tersebut.

Memeriksa kunci

166. Pegawai penjara hendaklah memeriksa semua kunci sewaktu menyerahkan atau menerimanya dan melaporkan dengan segera apa-apa kerosakan dan memastikan supaya tiada suatu pun kunci tempat tahanan boleh, dalam mana-mana hal keadaan, berada dalam milikan mana-mana orang tahanan atau orang lain yang tidak dibenarkan.

Orang tahanan tidak boleh ditinggalkan

167. Tiada seorang pun pegawai penjara boleh, semasa menjaga orang tahanan di luar kawasan mana-mana tempat tahanan, meninggalkan orang tahanan itu walau kerana apa-apa alasan sekali pun dari masa mereka keluar dari tempat tahanan hingga mereka pulang ke tempat tahanan, dan dia tidak boleh bagi apa-apa maksud memasuki mana-mana rumah, stor, halaman atau premis (yang bukan berupa tempat yang ditetapkan bagi latihan orang tahanan itu) dalam tempoh yang dia ditugaskan menjaga orang tahanan itu.

Pelawat ke tempat tahanan

168. (1) Seorang pegawai penjara yang bertindak sebagai penjaga pintu utama bagi mana-mana tempat tahanan tidak boleh membenarkan mana-mana orang, yang bukan

seorang pegawai penjara atau orang tahanan, memasuki ke dalam tempat tahanan itu tanpa kebenaran Pegawai yang Menjaga, yang diberikan secara lisan atau bertulis.

(2) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi-

- (a) seorang Hakim Mahkamah Persekutuan;
- (b) seorang Hakim Mahkamah Rayuan;
- (c) seorang Hakim Mahkamah Tinggi;
- (d) seorang Hakim Mahkamah Seksyen;
- (e) seorang Majistret yang mempunyai bidang kuasa di tempat tahanan itu terletak; dan
- (f) mana-mana Hakim Pelawat bagi tempat tahanan itu.

(3) Penjaga pintu utama hendaklah menyimpan suatu rekod berkenaan semua orang selain pegawai penjara yang memasuki ke dalam atau keluar dari tempat tahanan itu, dan dia hendaklah meminta semua orang itu menuliskan nama mereka dalam suatu buku yang diadakan bagi maksud itu.

(4) Penjaga pintu utama hendaklah mempunyai kuasa untuk memeriksa mana-mana orang yang memasuki ke dalam dan meninggalkan tempat tahanan itu.

(5) Mana-mana orang yang enggan diperiksa oleh penjaga pintu utama tidak boleh dibenarkan memasuki premis tempat tahanan.

(6) Penjaga pintu utama tidak boleh membenarkan mana-mana orang lain selain pegawai penjara memasuki ke dalam tempat tahanan itu dengan tidak diiringi oleh seorang pegawai penjara.

(7) Penjaga pintu utama tidak boleh membenarkan mana-mana orang tahanan keluar dari pintu utama itu dengan tidak diiringi oleh seorang pegawai penjara atau pihak berkuasa lain yang berkaitan.

(8) Penjaga pintu utama hendaklah secara berhati-hati memeriksa perintah bagi membenarkan masuk rakan orang tahanan dengan memeriksa nama dan kad pengenalan mereka dengan nama dalam perintah itu, dan jika dia tidak berpuashati bahawa perintah itu mengenai orang yang mengemukakan kad pengenalan itu dia hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu kepada Pegawai yang Menjaga untuk mendapatkan arahannya.

(9) Penjaga pintu utama hendaklah memastikan nama semua orang yang mungkin bekerja dalam tempat tahanan itu dan dia hendaklah memberi amaran kepada mereka bahawa mereka tidak dibenarkan bercakap atau memberikan apa-apa kepada mana-mana orang tahanan tanpa kebenaran sepatutnya.

(10) Penjaga pintu utama hendaklah memuaskan hatinya bahawa orang yang keluar dari tempat tahanan itu adalah juga sama dengan orang yang masuk.

(11) Penjaga pintu utama hendaklah menjaga semua surat, bungkusan atau barang lain yang dikirimkan untuk mana-mana orang tahanan dan dia hendaklah menyerahkannya kepada Pegawai yang Menjaga.

